

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

BORANG PENGESAHAN
LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN

TAJUK PROJEK : "ANALISIS KEPERLUAN LATIHAN DI KALANGAN
PELAJAR BERPRESTASI KURANG MEMUASKAN
DI FAKULTI PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER
MANUSIA, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, SKUDAI, JOHORE

Saya DR. NORHANI BAKRI
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan Laporan Akhir Penyelidikan ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Laporan Akhir Penyelidikan adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat penjualan salinan Laporan Akhir Penyelidikan ini bagi kategori TIDAK TERHAD.

4. * Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK
TERHAD


(TANDATANGAN KETUA PENYELIDIK)

Dr. NORHANI BAKRI

Pensyarah

Jabatan Pembangunan Sumber Manusia

Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia

Universiti Teknologi Malaysia

Nama dan Cop Pejabat Penyelidik

Tarikh :

11/8/04

CATATAN :

- * Jika Laporan Akhir Penyelidikan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

VOT 75006

**ANALISIS KEPERLUAN LATIHAN DI KALANGAN
PELAJAR BERPRESTASI KURANG MEMUASKAN
DI FAKULTI PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN
SUMBER MANUSIA, UNIVERSITI TEKNOLOGI
MALAYSIA, SKUDAI, JOHOR**

**DR. NORHANI BAKRI
DR. NOOR ZAINAB ABD. RAZAK
HAMIDAH AB. RAHMAN (K)
AMINAH HJ. AHMAD KHALID**

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

ANALISIS KEPERLUAN LATIHAN DI KALANGAN PELAJAR BERPRESTASI
KURANG MEMUASKAN DI FAKULTI PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN
SUMBER MANUSIA, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, SKUDAI,
JOHOR

DR. NORHANI BAKRI
DR. NOOR ZAINAB ABD. RAZAK
HAMIDAH AB. RAHMAN (K)
AMINAH HJ. AHMAD KHALID

VOT : 75006

Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
Universiti Teknologi Malaysia

SEPTEMBER, 2004

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti profil dan personaliti pelajar yang berprestasi kurang memuaskan di FPPSM, faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran mereka dan jenis-jenis latihan yang diperlukan. Responden terdiri daripada keseluruhan pelajar FPPSM yang memperolehi skor CGPA kurang dari 2.5. Kaedah pengumpulan data dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik dan dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian *Statistical Package Social Science* (SPSS). Kebolehpercayaan (*reliability*) borang soal selidik adalah 0.659. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan pelajar berprestasi kurang memuaskan di FPPSM terdiri daripada pelajar Melayu, berasal dari kawasan luar bandar/pekan kecil dengan tahap sosio ekonomi keluarga yang rendah. Majoriti daripada mereka mempunyai personaliti '*introvert*' serta menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri dengan teknik belajar di IPT, kurang daya usaha dan memandang rendah terhadap kemampuan diri. Kebanyakan mereka memerlukan latihan bimbingan kerjaya, kursus pengurusan masa, kursus komunikasi berkesan dan kemahiran belajar yang berkesan. Pihak UTM amnya dan FPPSM, khususnya perlu sentiasa memantau dan membimbing pelajar secara konsisten dan berterusan bagi memastikan mereka dapat menyesuaikan diri dengan sistem pembelajaran di UTM dengan sikap yang positif melalui kaedah pembelajaran yang betul.

ABSTRACT

This study attempts to identify the profile and personalities of UTM students whose academic performance are under average. This study also aims to investigate factors that influences students' performance and identify trainings that are needed by them. The respondents in this study are all FPPSM students whose CGPA are less than 2.5. Data was collected through questionnaire and the responses were analysed descriptively using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS). The reliability of the questionnaire is 0.659. The findings of the study shows that most of the students whose academic performance are under average at FPPSM are Malays, come from rural areas or small town and from low socio-economic income families. Majority of the students in this study belong to the "introvert" personalities and have problems in adapting themselves to the learning techniques at the institute of higher learning and degrade their own capabilities. Most of them need training in career guidance, time management, effective communication and study skills. UTM as an overall and FPPSM specifically shoud consistently monitor and guide the students throughout to ensure that the students could adapt to the UTM learning systems with positive thinking through proper learning approach.

PENGHARGAAN

Pada kesempatan ini, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan Dekan, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, FPPSM, Prof. Madya Dr. Mohd. Taib Hj. Dora kerana memberi kepercayaan kepada kami untuk menjalankan penyelidikan ini. Terima kasih diucapkan kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) yang telah menyediakan Vot dan segala kemudahan untuk kami melaksanakan tugas ini. Penghargaan ini juga ditujukan kepada Pembantu Penyelidik kami, En. Mohd. Nasir Selamat yang telah melancarkan lagi usaha-usaha pengumpulan data dan sumber-sumber maklumat, penganalisan data kajian serta penulisan deraf-deraf awal bagi penyelidikan ini.

September, 2004

KUMPULAN PENYELIDIK VOT: 75006

Dr. Norhani Bakri (Ketua Penyelidik)

Dr. Noor Zainab Abdul Razak

Pn. Hamidah Ab. Rahman (K)

Pn. Aminah Hj. Ahmad Khalid

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	JUDUL	i
	ABSTRAK	ii
	ABSTRACT	iii
	PENGHARGAAN	iv
	KANDUNGAN	v
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/ISTILAH	xiv
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pengenalan Organisasi	2
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Matlamat Kajian	7
	1.5 Objektif Kajian	7
	1.6 Kepentingan Kajian	7
	1.7 Skop Kajian	8
	1.8 Definisi Konsep dan Operasional	9
	1.8.1 Analisis Keperluan Latihan	9
	1.8.2 Program Latihan	10
	1.8.3 Prestasi	11

1.8.4	Personaliti	12
1.8.5	Pelajar Berprestasi Kurang Memuaskan	13
1.8.6	Sikap	13
1.8.7	Teknik Belajar	13
1.8.8	Kerohanian	14
1.8.9	Keyakinan Diri	14
1.8.10	Minat	14
1.8.11	Pergaulan	14
1.8.12	Motivasi	15
 BAB II KAJIAN LITERATUR		 16
2.1	Pengenalan	16
2.2	Definisi Latihan	16
2.3	Keperluan Latihan	18
2.4	Jenis Personaliti	20
2.4.1	<i>Extrovert</i> (E) atau <i>Introvert</i> (I)	21
2.4.2	<i>Sensing</i> (S) atau <i>Intuition</i> (I)	22
2.4.3	<i>Thinking</i> (T) atau <i>Feeling</i> (F)	22
2.4.4	<i>Perceiving</i> (P) atau <i>Judging</i> (J)	23
2.5	Enam Belas Jenis Personaliti Mengikut MBTI	24
2.5.1	<i>Introvert Sensing Thing Judging</i> (ISTJ) – Penyempurnaan Tugas	24
2.5.2	<i>Extrovert Sensing Feeling</i> <i>Perceiving</i> (ESFP) – Pelaksana	25
2.5.3	<i>Extrovert Intutive Thinking Judging</i> (ENTJ) – Eksekutif	25

2.5.4	<i>Extrovert Sensing Thinking Judging</i> (ESTJ) – Penjaga	25
2.5.5	<i>Introvert Sensing Feeling Judging</i> (ISFJ) – Pengasuh	26
2.5.6	<i>Extrovert Sensing Feeling Judging</i> (ESFJ) – Pemberi Perlindungan	26
2.5.7	<i>Introvert Sensing Thinking</i> <i>Perceiving</i> (ISTP) – Mekanik	26
2.5.8	<i>Extrovert Sensing Thinking</i> <i>Perceiving</i> (ESTP) – Pelaku	27
2.5.9	<i>Introvert Sensing Feeling Perceiving</i> (ISFP) – Artis	27
2.5.10	<i>Introvert Intuitive Thinking Judging</i> (INTJ) – Saintis	27
2.5.11	<i>Extrovert Intuitive Thinking</i> <i>Perceiving</i> (ENTP) – Penyokong Wawasan	27
2.5.12	<i>Introvert Intuitive Thinking</i> <i>Perceiving</i> (INTP) – Pemikir	28
2.5.13	<i>Extrovert Intuitive Feeling Judging</i> (ENFJ) – Pemberi	28
2.5.14	<i>Introvert Intuition Feeling Judging</i> (INFJ) – Pelindung	28
2.5.15	<i>Extrovert Intuitive Feeling</i> <i>Perceiving</i> (ENFP) – Pengilham	29
2.5.16	<i>Introvert Intuitive Feeling</i> <i>Perceiving</i> (INFP) – Idealis	29
2.6	Model Prestasi	29
2.6.1	Model Porter dan Lawler (1968)	29
2.6.2	Model Szilagyi dan Wallace (1987)	31

2.6.3	Model Kajian Personaliti, Borang Permohonan dan Prestasi Kerja	34
2.7	Model Kajian	35
2.8	Kajian-kajian Lepas	36
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	39
3.1	Pengenalan	39
3.2	Reka bentuk Kajian	39
3.3	Kaedah Persampelan	40
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	40
3.5	Instrumen Kajian	41
3.6	Kaedah Penganalisan Data	44
BAB IV	ANALISIS KAJIAN	45
4.1	Pengenalan	45
4.2	Analisis Demografi Pelajar	45
4.2.1	Latar belakang Keluarga/Penjaga	48
4.2.2	Pendorong Dalam Pembelajaran	50
4.3	Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Pembelajaran	51
4.3.1	Faktor Teknik Belajar	51
4.3.2	Faktor Sikap	54
4.3.3	Faktor Pergaulan, Minat dan Motivasi	57
4.3.4	Faktor Kerohanian	59
4.3.5	Faktor Keyakinan Diri Pelajar	61
4.4	Aspek Personaliti	63
4.5	Keperluan Latihan Pelajar	64

BAB V	KESIMPULAN DAN CADANGAN	67
5.1	Pengenalan	67
5.2	Profil dan personaliti pelajar FPPSM berprestasi kurang memuaskan	67
5.3	Faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar berprestasi kurang memuaskan	69
5.3.1	Faktor Teknik Belajar	69
5.3.2	Faktor Sikap Pelajar	70
5.3.3	Faktor Pergaulan, Minat dan Motivasi	70
5.3.4	Faktor Kerohanian	71
5.3.5	Faktor Keyakinan Diri Pelajar	71
5.4	Jenis Latihan Yang DiPerlukan	72
5.5	Cadangan	72
5.5.1	Cadangan Kepada FPPSM	72
5.5.2	Cadangan Kepada UTM	74
5.6	Rumusan	75

BIBLIOGRAFI	77
LAMPIRAN SOAL SELIDIK	82

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Taburan Tahun Pengajian & Kursus Mengikut Tahun	9
2.1	Ciri-ciri <i>Extrovert</i> dan <i>Introvert</i>	21
2.2	Ciri-ciri <i>Sensing</i> dan <i>Intuition</i>	22
2.3	Ciri-ciri <i>Thinking</i> dan <i>Feeling</i>	23
2.4	Ciri-ciri <i>Judging</i> dan <i>Perceiving</i>	24
3.1	Pembahagian Borang Soal Selidik	41
3.2	Skala Likert	42
3.3	Pengiraan Skor MBTI	43
4.1	Taburan demografi responden	46
4.2	Taburan latar belakang keluarga/penjaga	49
4.3	Taburan pendorong dalam pembelajaran pelajar	50
4.4	Taburan faktor teknik belajar mengikut tahun pengajian	53
4.5	Taburan faktor sikap pelajar mengikut tahun pengajian	56
4.6	Taburan aspek pergaulan, minat dan motivasi mengikut tahun pengajian	58
4.7	Taburan aspek kerohanian mengikut tahun pengajian	60
4.8	Taburan aspek keyakinan diri pelajar mengikut tahun pengajian	62
4.9	Taburan Jenis Personaliti Pelajar	63

4.10	Taburan Jenis Keperluan Latihan Pelajar	65
4.11	Jenis-jenis Latihan lain yang Diperlukan oleh Pelajar	65

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Peningkatan atau Penurunan Prestasi Akademik	6
2.1	Model Prestasi Kerja Porter dan Lawler (1968)	31
2.2	Model Prestasi Szilagyı dan Wallace (1987)	33
2.3	Model Personaliti, Borang Permohonan dan Prestasi Kerja Ahmad Suffian (2001)	34
2.4	Model Kajian	35

SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/ISTILAH

AKL	Analisis Keperluan Latihan
FPPSM	Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
MBTI	<i>Myers-Briggs Type Indicator</i>
TNA	<i>Training Need Analysis</i>
UTM	Universiti Teknologi Malaysia

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Konsep pembangunan pelajar berhubung rapat dengan konsep pembangunan manusia itu sendiri (Abdul Jalil, 1999). Para pelajar adalah antara individu yang perlu dibekalkan dengan pelbagai ilmu pengetahuan termasuklah dari segi rohani dan jasmani bagi membangunkan diri mereka, khususnya dan masyarakat, amnya. Selaku insan yang bertanggungjawab dalam menuntut ilmu, mereka digalakkan agar dapat mengoptimumkan masa dengan usaha-usaha bagi mempertingkatkan diri dengan penguasaan ilmu serta kemahiran yang diperlukan di era globalisasi yang mencabar ini.

Kewujudan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang semakin meluas kini di negara ini membuktikan bahawa pihak kerajaan mengambil berat akan aspek pendidikan bagi memastikan generasi akan datang lebih cemerlang dan mampu untuk menjadi pemimpin yang berjaya. Kos pembiayaan bagi setiap seorang pelajar dianggarkan melebihi RM 25 000 untuk setiap pengajian. Keprihatinan pihak kerajaan dalam menyediakan pinjaman pelajaran kepada mahasiswa melalui Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Negara (PTPTN) membuktikan kesungguhan kerajaan yang sentiasa mahukan yang terbaik untuk setiap pelajar. Bantuan yang diberikan tidak sewajarnya digunakan dengan sewenang-wenangnya. Sekiranya para pelajar gagal dalam pengajian yang diikuti, kerugian besar berlaku di mana

pihak universiti gagal mengeluarkan bakal tenaga pekerja yang benar-benar efisien dan seterusnya ini memberi impak kepada pembangunan negara.

Isu kelemahan akademik dan prestasi di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) menjadi isu masyarakat yang serius kerana golongan ini diharapkan dapat menjadi individu yang berilmu serta berupaya menangani permasalahan pembangunan semasa dalam sesebuah masyarakat. Hall dan Lindzey, dalam Abdul Hamid, (2000) menyatakan bahawa ahli psikologi bersependapat bahawa setiap individu 'boleh' dan berpotensi untuk maju dalam segala aspek kehidupan mereka sekiranya mereka dibimbing dengan sempurna. Institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar mendapat yang terbaik dalam pengajian mereka dengan menyerapkan norma-norma dan nilai-nilai yang perlu dijadikan ikutan. Langkah jangka panjang bagi meningkatkan kualiti pembelajaran perlu di usahakan bermula dari pendidikan di sekolah rendah dan menengah supaya pelajar boleh bersaing di IPT dengan pelajar-pelajar yang lain. Dalam konteks pendidikan di IPT, potensi para pelajar atau mahasiswa universiti khususnya golongan bumiputra boleh digilap dan dipertingkatkan lagi sekiranya mereka sentiasa berusaha secara bersungguh-sungguh dengan bimbingan yang padu daripada tenaga akademik yang berdedikasi.

1.2 Pengenalan Organisasi

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dinobatkan sebagai sebuah institusi pengajian tinggi adalah pada 14 Mac 1972 dengan nama Institusi Teknologi Kebangsaan. UTM adalah satu-satunya universiti yang menawarkan kursus yang bercirikan sains dan teknologi. Dalam konvokesyen pertamanya pada 3 Disember 1977, UTM telah mengeluarkan graduan sulungnya seramai 65 orang. Sehingga hari ini graduan UTM telah mencecah ke angka 84,001 orang. Pada tahun 2002, UTM telah meraikan sambutan 30 tahun penubuhannya. Berteraskan semangat

yang tidak mudah padam, dedikasi dan kerja keras; UTM terus berkembang maju dan telah menempa nama serta menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

UTM memiliki sepuluh fakulti termasuklah Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (FPPSM) yang mana terdapat tiga jabatan utama iaitu Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Bahasa Moden dan Jabatan Pengurusan Teknologi. Sehingga tahun 2004 terdapat tiga tawaran kursus setakat ini yang ditawarkan oleh pihak FPPSM termasuklah. Bidang Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi) (SHT), Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) (SHG) dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Pembangunan Sumber Manusia) (SHP). Kesemua bidang pengajian adalah berteraskan pengurusan dan pembangunan individu.

Misi FPPSM yang ingin melahirkan graduan yang berketrampilan dan berbudayakan teknologi serta menghasilkan lain-lain produk berkualiti yang boleh dipertanggungjawabkan dalam bidang pengurusan dan sains sosial boleh dicapai dengan usaha yang berterusan dan kerjasama antara semua pihak. Ini termasuklah kerjasama antara para pensyarah, para pentadbir dan juga para pelajar. Hal ini selaras dengan objektif FPPSM untuk menyediakan dan memantapkan graduan yang berketrampilan dan bertanggungjawab, membekalkan khidmat kemudahan pembelajaran dan pengajaran yang kondusif di samping menyumbang bakti kepada pembangunan komuniti. Sekiranya semua aspek di atas diambil kira, pastinya wawasan FPPSM untuk menjadi sekolah pengurusan dan sains sosial bertaraf dunia ke arah kecemerlangan sains dan teknologi akan tercapai.

Di UTM, khususnya FPPSM, bilangan pelajar yang berjaya mendapat kelas pertama semakin meningkat dari tahun ke tahun. Apa yang menjadi sasaran fakulti kini adalah untuk mengekalkan lagi prestasi yang sedia ada di samping terus berusaha bagi pencapaian yang lebih baik dan mencuba sedaya mungkin untuk mengurangkan bilangan yang mendapat kelas ketiga. Usaha murni ini perlu

disokong beberapa pihak bagi memastikan semua pelajar tidak berada dalam keadaan yang kurang memuaskan prestasinya, terutamanya bagi pelajar yang pernah mendapat keputusan dengan kedudukan bersyarat (KS) atau kedudukan gagal (KG). Pelajar sebeginilah yang perlu diberi perhatian bagi memastikan pencapaian hasrat fakulti terus tercapai.

1.3 Pernyataan Masalah

Pendidikan merupakan satu bidang yang amat luas dan sentiasa menghadapi banyak cabaran seiring dengan peredaran masa. Keperluan terhadap sumber manusia mahir dan berpengetahuan di peringkat pengajian tinggi, umpamanya, semakin bertambah. Bidang-bidang baru yang selaras dengan kehendak pembangunan serta perkembangan ekonomi dan sosial semasa negara menjadi keutamaan dalam menawarkan kursus-kursus baru yang relevan. Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi, UTM perlu peka dengan kehendak masyarakat pada masa kini dan sentiasa berusaha sebaik mungkin dalam menawarkan kurikulum pengajian yang mantap dalam usaha untuk menghasilkan graduan yang berkualiti.

Kebelakangan ini, peranan mahasiswa yang dianggap sebagai agen kepada arus perubahan yang diinginkan masyarakat bergema semula. Pandangan masyarakat terhadap mahasiswa sebagai kelompok intelektual dan sebagai agen gerakan pembaharuan seharusnya dijadikan sebagai satu cabaran dan menyedarkan diri mereka sebagai kelompok intelektual muda yang diamanahkan untuk menjana ilmu secara bijaksana. Dalam hal ini, mahasiswa dituntut supaya dapat berperanan lebih proaktif terhadap perubahan atau paling tidak menjadi pendokong dari sebuah perubahan ke arah yang lebih baik. Kesedaran yang tumbuh dalam masyarakat untuk melakukan perubahan terhadap sistem yang cenderung berorientasi kepada kekuasaan yang membelenggu demokrasi, menuntut peranan yang lebih dari

mahasiswa sebagai agen perubahan serta sebagai mekanisma kawalan (Zulkifli, 2003).


Mahasiswa dilihat sebagai bakal pemimpin negara yang akan mewarisi tahta pemerintahan negara pada masa akan datang. Sekiranya mahasiswa sendiri sebagai golongan yang diharapkan tidak memiliki tahap intelektual yang tinggi untuk maka harapan negara untuk memiliki pemimpin-pemimpin yang dinamik tidak akan tercapai. Matlamat UTM untuk mencapai taraf *Discovery University & World Class University (WCU)* dapat direalisasikan sekiranya mahasiswa memiliki kriteria yang dapat menjadi pelapis kepada kepimpinan negara.

Masalah kemerosotan akademik pelajar semakin serius sejak kebelakangan ini di semua institut pengajian tinggi awam mahupun swasta. Walaupun mendapat kelulusan dalam setiap bidang, namun sukar untuk kita saksikan mereka yang benar-benar mendapat kecemerlangan dengan kelas pertama dalam pengajian mereka. Di FPPSM sahaja, terdapat sejumlah 182 orang pelajar daripada keseluruhan jumlah pelajar di FPPSM yang berada di bawah prestasi kurang memuaskan iaitu berada di bawah CGPA 2.5. Jumlah ini tidak termasuk pelajar Tahun Satu di FPPSM, (Rekod Akademik FPPSM, 2003)

Kemerosotan pencapaian akademik di kalangan pelajar telah menjadi isu yang hangat diperkatakan di FPPSM. Keadaan ini seharusnya tidak berlaku memandangkan semua pelajar-pelajar ini telah mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM. Latihan diambil kira sebagai aspek penting dalam usaha menjadikan pelajar berprestasi kurang memuaskan untuk menjadi lebih baik kerana kajian telah dijalankan bahawa dengan latihan berjaya meningkatkan prestasi akademik pelajar. Hal ini terbukti apabila satu kursus Kem Mahasiswa Unggul (KMU) FPPSM telah dilaksanakan pada 13 hingga 16 Jun 2002 di Daerah Mersing. Program ini bertujuan membantu pelajar-pelajar yang mengalami kemerosotan

pencapaian akademik supaya dapat meningkatkan semula tahap pencapaian mereka. Laporan KMU, memperlihatkan 15 daripada 19 peserta kem tersebut berjaya meningkatkan pencapaian CGPA. Rajah 1.1 menunjukkan hasil peningkatan prestasi akademik peserta kursus KMU:

Rajah 1.1: Peningkatan atau Penurunan Prestasi Akademik



Namun, persoalan timbul apabila masih terdapat ramai lagi pelajar yang berprestasi kurang memuaskan dalam pencapaian akademik mereka. Ini menjadi tanda tanya pelbagai pihak. Oleh itu, dalam kajian ini timbul persoalan-persoalan seperti berikut:-

1. Apakah profil dan personaliti pelajar-pelajar yang berprestasi kurang memuaskan di FPPSM?
2. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pembelajaran mereka?
3. Apakah jenis-jenis latihan yang diperlukan oleh pelajar-pelajar yang berprestasi kurang memuaskan di FPPSM?

1.4 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini ialah untuk mendapatkan satu analisis yang menyeluruh tentang keperluan latihan di kalangan pelajar-pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang kurang memuaskan. Analisis ini disokong dengan data-data yang dapat mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi mereka termasuklah dari segi personaliti, faktor persekitaran, faktor budaya, faktor kewangan dan sebagainya. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pihak Universiti Teknologi Malaysia amnya, dan FPPSM khususnya dalam menangani masalah pelajar yang berprestasi kurang memuaskan.

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada matlamat kajian, objektif kajian yang digariskan dan dikenalpasti ialah:

1. Menenalpasti profil dan personaliti pelajar-pelajar yang berprestasi kurang memuaskan di FPPSM.
2. Menenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pembelajaran mereka.
3. Menenalpasti jenis-jenis latihan yang diperlukan oleh pelajar-pelajar yang berprestasi kurang memuaskan di FPPSM.

1.6 Kepentingan Kajian

Diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat terutamanya kepada pihak UTM dalam usaha untuk menjadikannya sebagai Universiti Bertaraf Dunia. Hasil

kajian ini diharap dapat membantu meningkatkan strategi universiti untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan akademik pelajar dan seterusnya langkah pencegahan dapat diambil bagi menghasilkan graduan yang cemerlang. Dengan ini juga, pihak UTM dapat membuat perancangan yang lebih strategik bagi menangani masalah kemerosotan akademik pelajar dan mengelakkan daripada berlakunya keciciran di kalangan pelajar.

Hasil kajian ini diharap dapat membantu pihak FPPSM mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar sehingga memberi kesan ke atas prestasi pembelajaran mereka. Ini membolehkan pihak FPPSM merancang dan menganjurkan program latihan yang bersesuaian dengan keperluan para pelajar. Di samping itu juga pihak FPPSM dapat mengenalpasti personaliti pelajar yang berprestasi kurang memuaskan ini untuk lebih memahami keperluan mereka. Strategi pengajaran yang lebih berkesan dapat dibentuk dan dapat membantu pihak FPPSM membentuk cara pemantauan dan penasihat akademik yang berkesan dan efisien bagi para pelajar.

Selain itu, diharapkan juga hasil kajian dapat dijadikan rujukan kepada pengkaji akan datang yang berminat untuk memperbaiki kelemahan akademik para pelajar di Institut Pengajian Tinggi yang lain. Sumbangan ilmiah dan maklumat penting dapat dikongsi bersama dalam memastikan pelajar-pelajar di IPT dapat mencapai kecemerlangan yang membanggakan di samping membantu dalam memperbaiki pendidikan tinggi negara.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini menilai keperluan latihan di kalangan pelajar FPPSM yang telah dikenalpasti sebagai pelajar berprestasi kurang memuaskan berdasarkan kepada skor CGPA mereka yang kurang daripada 2.5. Mereka terdiri daripada 168 orang

pelajar FPPSM dari Tahun Satu hingga Tahun Empat dalam semua bidang kursus yang ditawarkan di FPPSM iaitu kursus Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi) (SHT), Ijazah Sarjana Muda Sains (Pembangunan Sumber Manusia) (SHP), Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) (SHG) seperti Jadual 1.1;

Jadual 1.1: Taburan Tahun Pengajian & Kursus Mengikut Tahun

Tahun Pengajian / Kursus	Kekerapan	Peratusan (%)
4SHP	12	7.2
4SHT	41	24.4
4SHG	14	8.3
3SHP	4	2.4
3SHT	29	17.3
3SHG	11	6.5
2SHP	2	1.2
2SHT	31	18.5
2SHG	1	0.6
1SHR	17	10.1
1SHD	6	3.6

Skop kajian ini merangkumi aspek profil peribadi dan latar belakang keluarga pelajar, faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran pelajar (faktor sikap, kerohanian, teknik belajar, pergaulan, minat dan motivasi dan faktor keyakinan diri pelajar), jenis personaliti pelajar berkenaan dan jenis latihan yang diperlukan oleh mereka.

1.8 Definisi Konsep dan Operasional

1.8.1 Analisis Keperluan Latihan (AKL)

Dalam konteks organisasi industri, AKL adalah merupakan langkah pertama dalam menentukan latihan yang diperlukan oleh pelatih dengan cara

membuat analisis tugas, analisis prestasi dan analisis organisasi (Ab Aziz, 2002). Bagi Dessler (1997) analisis keperluan latihan merupakan langkah awal dalam mengenalpasti latihan yang ingin dilaksanakan. Ianya bergantung kepada apakah yang diperlukan oleh individu pelatih tersebut dan apakah sebabnya. Contohnya, sekiranya berlaku kemerosotan prestasi pekerja, analisis keperluan perlu dilakukan bagi mencari punca kemerosotan untuk diberi latihan dengan tujuan membaikkan. Analisis Keperluan Latihan juga boleh dilakukan ke atas pekerja baru di dalam sesebuah organisasi.

Analisis keperluan latihan adalah satu proses untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan keperluan latihan terhadap seseorang dengan tujuan untuk memperbaiki kelemahan atau kekurangan yang ada pada diri individu tersebut. Dalam konteks kajian, AKL bererti ingin mencari faktor-faktor yang mempengaruhi kemerosotan akademik para pelajar. Antara faktor yang diambil kira dalam kajian termasuklah, aspek profil peribadi dan latar belakang keluarga, faktor sikap, kerohanian, motivasi, pergaulan dan minat, teknik belajar dan jenis-jenis personaliti individu pelajar. Selain itu, keperluan latihan yang diperlukan oleh pelajar juga turut disenaraikan seperti latihan Pengurusan Masa, Kemahiran Belajar, Teknik Menghadapi Peperiksaan, Komunikasi Berkesan, Pembangunan Diri, Latihan Kepimpinan dan sebagainya.

1.8.2 Program Latihan

Program Latihan ialah satu tatacara yang tersusun bagi membolehkan proses pembelajaran berlaku secara berkesan melalui penyampaian sesuatu idea, inovasi atau teknologi secara teratur yang dapat menghasilkan satu perlakuan di kalangan pelatih dan seterusnya dapat memberi sumbangan kepada organisasi (Ibrahim, 1996).

Proctor mencadangkan program latihan adalah proses untuk melengkapkan dan menambah pengetahuan, kemahiran, mengubah sikap, mempelajari amalan baru yang disampaikan kepada penerima untuk membantu menyelesaikan masalah dalam pekerjaan (Ezhar, 1981). Menurut Poon (1994) pula, latihan adalah merujuk kepada segala usaha terancang organisasi untuk memudahkan pembelajaran tingkah laku kerja yang tertentu. Usaha ini bertujuan memperbaiki prestasi semasa dan prestasi masa depan pekerja dengan meningkatkan kebolehan pekerja melakukan tugas-tugas mereka supaya objektif organisasi dapat dicapai.

Berdasarkan definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa program latihan satu proses yang dirancang khas oleh pihak tertentu dalam memberikan kemudahan pembelajaran kepada seseorang dengan tujuan untuk menambahkan pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan perubahan sikap dan tingkah laku seseorang. Program latihan dalam kajian ini membawa erti sebarang program latihan yang perlu dijalankan bagi membantu pelajar-pelajar berprestasi kurang memuaskan dalam menangani masalah yang mereka hadapi, khususnya yang melibatkan pembelajaran.

1.8.3 Prestasi

Prestasi adalah nilai relatif seseorang pekerja kepada organisasi dari segi kebolehan, prestasi kerja dan potensi. Ia juga bermaksud nilai sumbangan yang diberikan oleh setiap pekerja dalam organisasi (Rozhan, 1991). Dzulkifli (1996) menyatakan prestasi dapat dipaparkan pada aspek penghasilan sesuatu pekerjaan. Aspek penghasilan kerja boleh diukur dan dinilai melalui lima kriteria: iaitu (i) kualiti hasil, (ii) kualiti kerja, (iii) keberkesanan kos, (iv) ketepatan masa dan perlaksanaan dan (v) arahan pengurusan.

Prestasi juga didefinisikan sebagai keupayaan dan kebolehan individu dari segi pengetahuan tentang kerja dan kebolehan mengurus. Di samping kecekapan, sikap yang positif dan kepimpinan akan diambil kira. Begitu juga dengan kebolehan

membuat pertimbangan, delegasi, kreativiti, kebergantungan dan kemahiran komunikasi (Khong, 1999).

Dapat disimpulkan bahawa prestasi bermaksud keupayaan seseorang individu untuk menunjukkan kebolehan dan kecemerlangan hasil daripada pembelajaran yang diikuti termasuklah dari segi kecekapan, sikap, gaya kepimpinan, komunikasi dan kemahiran dalam membuat keputusan. Prestasi dalam kajian ini membawa maksud sebarang peningkatan positif atau perubahan yang melibatkan aspek pengetahuan atau akademik para pelajar.

1.8.4 Personaliti

Personaliti merujuk kepada keseluruhan cara di mana individu bertindak dan berinteraksi dengan individu lain. Ia paling kerap digambarkan oleh ciri-ciri yang ditunjukkan oleh seseorang (Robbins, 2000). Dari perspektif Islam, personaliti merujuk kepada sahsiah atau secara umumnya akhlak seseorang individu. Setiap individu mempunyai personaliti yang berbeza yang memberi gambaran bagaimana individu menyesuaikan diri dengan tuntutan agama.

Ahmad Atory (2001) menyatakan personaliti sebagai sifat, keperibadian, sahsiah, tingkah laku dan pembawaan diri seseorang individu yang boleh dibezakan dengan individu yang lain. Ia juga mencirikan kebolehan dan keupayaan seseorang menyesuaikan diri individu tersebut dalam pelbagai persekitaran. Dalam kajian ini, personaliti merujuk kepada sikap dan tingkah laku yang ada pada pelajar tersebut. Personaliti diukur berdasarkan instrumen-instrumen tertentu. Dalam mengenal pasti jenis personaliti pelajar, kajian ini menfokus kepada *Myres Briggs Type Indicator* (MBTI) yang merupakan satu instrumen laporan diri yang memiliki pilihan tertentu yang dibentuk oleh pihak profesional bagi tujuan tertentu pihak pengurusan.

1.8.5 Pelajar Berprestasi Kurang Memuaskan

Pelajar dalam kajian ini terdiri daripada pelajar FPPSM dari Tahun Satu hingga Tahun Empat daripada pelbagai bidang pengajian termasuklah Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi), Ijazah Sarjana Muda Sains (Pembangunan Sumber Manusia) dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) yang berprestasi kurang memuaskan berdasarkan kepada skor CGPA mereka yang kurang daripada 2.5.

1.8.6 Sikap

Lewis (1991) menyatakan sikap boleh dikonsepsikan sebagai kecenderungan untuk bertindak secara positif atau negatif terhadap sesuatu objek, situasi, konsep atau orang perorangan, ianya merangkumi komponen kognitif (kepercayaan & ilmu pengetahuan), efektif (emosi & motivasi), dan prestasi (tingkah laku & tindakan) (Ramlah Abdul Rahman, 1999). Dalam kajian ini, sikap membawa maksud kelakuan dan tingkah laku para pelajar dari segi pandangan terhadap aspek pembelajaran mereka di universiti. Sikap ini lahir daripada mental dan perlakuan yang dilahirkan dalam diri mereka sendiri.

1.8.7 Teknik Belajar

Teknik boleh dijelaskan sebagai pengetahuan yang berkaitan dengan pembuatan barang-barang atau sesuatu perkara yang boleh dilihat. (Kamus Dewan, 2000). Oleh itu, secara ringkas, teknik belajar merupakan satu perbuatan yang mempunyai cara tersendiri dan prosedur tertentu dalam mempelajari sesuatu.

1.8.8 Kerohanian

Kerohanian adalah perihal rohani, sifat rohani atau rohaniah yang lebih menjurus kepada aspek keagamaan. Dalam kajian ini juga kerohanian lebih menfokus kepada aspek kerohanian dan kepercayaan pelajar terhadap takdir dan ketentuan Tuhan.

1.8.9 Keyakinan Diri

Rasa berani dan bertanggungjawab terhadap sesuatu perkara boleh dikatakan sebagai keyakinan diri kerana ia menunjukkan seseorang itu sanggup menanggung risiko terhadap apa yang dikatakan atau dilakukannya. Dalam kajian ini, keyakinan diri lebih cenderung kepada kepercayaan pada diri sendiri dan kelebihan yang ada pada diri pelajar untuk dinilainya.

1.8.10 Minat

Minat membawa maksud keinginan (kesukaan dan kecenderungan) terhadap sesuatu. Begitu juga dalam kajian ini, minat membawa erti apa yang digemari pelajar dan kebiasaan perkara yang dilakukan seharian.

1.8.11 Pergaulan

Berkomunikasi dan bersemuka adalah antara perkara yang terkandung di dalam makna pergaulan kerana ianya melibatkan lebih daripada satu pihak. Dalam kajian pergaulan membawa maksud penyesuaian diri pelajar terhadap persekitaran seperti dengan rakan sebaya dan persekitaran pembelajaran yang lain.

1.8.12 Motivasi

Motivasi adalah keadaan seseorang yang melibatkan persekitaran yang baru dalam menuju haluan tertentu dengan bersungguh-sungguh serta ketekunan untuk mencapainya (Frank, 1987). Dalam kajian ini, motivasi merujuk kepada kesungguhan dalam mencapai sesuatu atau memperbaiki diri mereka menjadi lebih cemerlang dalam bidang akademik. Ianya juga boleh dikatakan sebagai pendorong dalam diri untuk mencapai kejayaan.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan definisi program latihan, aspek-aspek yang dikaji, model dan pendekatan yang berkaitan serta analisis jenis personaliti MBTI yang menentukan jenis personaliti seseorang. Selain itu, bab ini juga turut membincangkan kajian-kajian lepas yang berkaitan bagi menyokong kajian ini.

2.2 Definisi : Latihan

Kebanyakan definisi latihan adalah menjurus kepada konteks organisasi di mana kebiasaan keperluan latihan ini diberikan kepada individu yang perlu diperbaiki sama ada daripada aspek tingkah laku mahupun pengetahuan. Dalam konteks organisasi atau dunia pekerjaan, Dessler (1997) menyatakan latihan sebagai satu proses mengajar pekerja-pekerja baru dengan kemahiran asas yang diperlukan semasa melakukan kerja mereka. Melalui latihan ianya dapat memenuhi keperluan semasa individu dan organisasi.

Bagi Nadler (1983), latihan merupakan aktiviti organisasi yang bertujuan untuk memperbaiki prestasi pekerja masa kini. Latihan memberi persediaan dan pembelajaran kepada pekerja untuk melakukan kerja dengan lebih cekap dan

berkesan. Latihan yang berkesan akan memberi kebaikan kepada pihak organisasi seperti akan menjadikan kerja lebih efektif, motivasi pekerja sentiasa berada di tahap yang memuaskan dan akhirnya akan meningkatkan *output* dan keuntungan organisasi.

Kenneth (1994) menyatakan sesebuah organisasi yang memberi latihan kepada pekerja menunjukkan organisasi tersebut mengambil berat dan bertanggungjawab terhadap pekerja mereka. Ini akan mendorong pekerja untuk memberikan tindakan positif kepada organisasi dengan berusaha memberi sumbangan untuk mencapai matlamat organisasi. Beliau menegaskan bahawa dengan aktiviti latihan boleh mengubah tingkah laku seseorang pekerja terutamanya dalam bidang pengetahuan, kemahiran dan sikap.

Bennett (1995) pula mendefinisikan latihan sebagai perkembangan sistematik pola-pola tingkah laku, sikap, pengetahuan atau kemahiran yang diperlukan oleh seseorang individu supaya ianya dapat melaksanakan sesuatu tugas dengan sebaik-baiknya. Marshall (1986) pula berpendapat bahawa latihan adalah sebagai satu proses sistematik yang bertujuan mengubah tingkah laku seseorang. Tujuan utama adalah untuk menjadikan individu pekerja lebih berpengetahuan, berkemahiran dan memiliki ciri-ciri kelakuan yang baik.

Latihan juga merupakan satu proses yang berkait rapat dengan usaha meningkatkan kemahiran kerja seseorang. Bramley (dalam Ab. Aziz, 2001) berpendapat bahawa latihan merupakan satu proses yang melibatkan perubahan dari segi ilmu, kemahiran dan sikap seseorang. Rozhan (1997) pula menjelaskan latihan sebagai usaha yang dilakukan oleh organisasi atau institusi untuk meningkatkan kemampuan seseorang untuk melaksanakan tugasnya atau memainkan peranan yang telah ditetapkan oleh organisasi. Oleh itu, latihan lebih berorientasikan keperluan masa kini.

Berdasarkan definisi-definisi tersebut, pengkaji merumuskan bahawa latihan adalah merupakan aktiviti yang dilakukan oleh sesebuah organisasi untuk meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan kebolehan setiap pekerja dengan tujuan untuk meningkatkan prestasi. Bukan sahaja prestasi kepada diri pekerja itu sendiri, malah kepada organisasi dengan cara peningkatan prestasi, peningkatan kualiti perkhidmatan dan pertambahan produk serta keuntungan yang berlipat ganda.

Dari segi keperluan dalam bidang akademik, latihan adalah satu proses untuk meningkatkan kemahiran, kebolehan dan pengetahuan pelajar bagi mencapai prestasi yang cemerlang. Latihan yang diberikan mestilah berpandukan aspek-aspek pembelajaran yang dapat memenuhi citarasa pelajar untuk berubah menjadi pelajar yang lebih cemerlang. Oleh itu, aspek keperluan latihan perlu diambil kira sebelum sesuatu program latihan dijalankan agar pencapaian objektif dan matlamat program latihan kepada pelajar dapat dicapai.

Seperti yang dinyatakan oleh Ibrahim (1996), latihan merupakan aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan oleh sesebuah institusi secara formal sahaja. Latihan formal memerlukan satu tatacara yang tersusun bagi membolehkan proses pembelajaran berlaku secara berkesan. Para peserta latihan akan menerima impak hasil daripada keberkesanan program latihan yang dirancang sebelum dan selepas latihan dijalankan.

2.3 Keperluan Latihan

Poon (1994) menyatakan bahawa latihan diperlukan apabila wujud suatu jurang kelainan antara kebolehan seseorang individu dengan keperluan kerjanya, iaitu prestasi berbeza dengan daripada prestasi yang dikehendaki oleh majikan. Keperluan latihan merupakan proses menilai keperluan latihan organisasi atau

institusi yang dibangun dengan mempertimbangkan keperluan keseluruhan organisasi, tugas/kemahiran yang dikaitkan dengan pelaksanaan tugas dan tahap seseorang individu berkeupayaan melaksanakan sesuatu tugas dengan secara cekap dan berkesan (Deesler, 1997). Tujuan Analisis Keperluan Latihan (AKL) dilakukan adalah untuk membantu mencapai matlamat organisasi dan diri individu itu sendiri supaya proses pembaikan dapat dilaksanakan secara berterusan melalui latihan. Melalui AKL ini juga, pihak organisasi akan dapat mengetahui kelemahan dan kekuatan yang ada pada diri individu dan organisasi. Dalam kes kajian ini, sekiranya, para pelajar dapat dibekalkan dengan latihan yang cukup dan mudah untuk mereka menerimanya, akan tercapailah matlamat universiti bagi melahirkan mahasiswa yang cemerlang.

Bagi Tan K. H (1995), tujuan utama dilakukan AKL adalah untuk mengetahui permasalahan yang wujud dalam organisasi dan diri individu di dalamnya agar langkah penyelesaian dapat diambil dengan segera bagi mengelakkan kemungkinan perkara negatif berlaku. Pihak atasan organisasi perlu bertindak sebagai penilai dalam mendapatkan maklumat dan data yang dapat menyokong aktiviti AKL. Kebiasaannya, di dalam organisasi industri, pihak Jabatan Latihan dan Pembangunan akan bertindak sebagai penganjur untuk melaksanakan AKL. Dalam kes pelajar FPPSM, kajian ini bertujuan untuk melihat apakah faktor yang menyebabkan para pelajar menghadapi masalah dalam pembelajaran dan apakah jenis latihan yang mereka perlukan?

Keperluan latihan juga ditakrifkan sebagai satu proses mengenalpasti individu yang memerlukan latihan serta bidang latihan yang diperlukan (Ibrahim, 1996). Keperluan yang dimaksudkan adalah merupakan satu jurang atau perbezaan yang wujud antara apa yang sebenarnya dengan apa yang sepatutnya. Ini bermakna, apa yang sebenarnya adalah prestasi pada masa kini dan apa yang sepatutnya adalah prestasi yang diharapkan oleh organisasi. Ada sesetengah penganalisis keperluan latihan masa kini berpendapat bahawa keperluan latihan sepatutnya

bukan sahaja berdasarkan masalah prestasi kerja tetapi juga bergantung kepada peluang yang mungkin wujud pada masa hadapan. Pengkaji berpendapat sekiranya langkah awal tidak diambil bagi pelajar-pelajar yang berprestasi kurang memuaskan, pastinya, peluang di masa depan masih kabur.

2.4 Jenis Personaliti

Ahmad Atory (2001) menyatakan personaliti sebagai sifat, keperibadian, sahsiah, tingkah laku dan pembawaan diri seseorang individu yang boleh dibezakan dengan individu yang lain. Ia juga bercirikan kebolehan dan keupayaan seseorang menyesuaikan diri individu tersebut dalam pelbagai persekitaran.

Terdapat empat alternatif Teori Personaliti yang dikemukakan oleh Isabel Briggs Myres dan Katherine Cook Briggs. Mereka telah membangunkan *Myers-Briggs Type Indicator* (MBTI) pada awal tahun 1940-an dan jika dilihat teori ini lebih mengutamakan inventori personaliti asas daripada ukuran sifat (Myres, 1985). Thompson pada tahun 1986 menyatakan MBTI sebagai satu instrumen laporan diri dan mempunyai pilihan tertentu yang direka bentuk oleh profesional bagi tujuan tertentu kepada pihak pengurusan (Suhaini Mohd. Noor, 2003).

Menurut Robbins (2000), setiap tahun lebih daripada dua juta orang mengambil ujian personaliti MBTI di Amerika Syarikat. Organisasi yang menggunakan MBTI termasuklah *Apple Computer, AT & T, Citicorp, Exxon, GE, 3M* dan sebilangan besar hospital, institusi pendidikan malah turut juga digunakan oleh angkatan tentera Amerika Syarikat.

Berdasarkan teori personaliti MBTI, sifat individu dipengaruhi oleh salah satu jenis dalam empat alternatif yang ada iaitu:

1. Bagaimana seseorang berurusan – *Extrovert* atau *Introvert*.
2. Bagaimana seseorang melihat informasi dan data – *Sensing* atau *Intuition*.

3. Bagaimana seseorang membuat keputusan – *Thinking* atau *Feeling*.
4. Cara pengurusan hidup seseorang – *Judging* atau *Perceiving*.

Untuk melihat dengan lebih terperinci, apakah yang dikatakan dengan empat jenis alternatif dalam personaliti yang akan membentuk jenis personaliti, pengkaji akan menerangkan dengan lebih lanjut berkenaan aspek tersebut.

2.4.1 *Extrovert (E) atau Introvert (I)*

Individu yang bersifat *extrovert* suka berkomunikasi dengan orang lain dan suka pada dunia luar. Mereka biasanya akan menganggap pemahaman sesuatu masalah menjadi jelas jika mereka dapat menyuarakan dan menerima pandangan orang lain. Individu yang *introvert* pula suka melaksanakan idea dan konsep yang tersendiri dan mereka lebih suka melakukan aktiviti dengan jumlah orang yang tidak ramai.

Jadual 2.1: Ciri-ciri *Extrovert* dan *Introvert*

Ciri-ciri <i>Extrovert</i>	Ciri-ciri <i>Introvert</i>
Bertindak dahulu sebelum berfikir	Berfikir dahulu sebelum bertindak
Tidak selesa bersendirian	Lebih suka bersendirian
Bersikap terbuka dan bermotivasi oleh ransangan luar	Bersikap tertutup
Gemar kepelbagaian dalam perhubungan sosial	Gemar berhubung dan berkomunikasi satu sama satu sahaja

Sumber : http://www.personalitypathways.com/type_inventory.html

2.4.2 *Sensing (S) atau Intuition (N)*

Dimensi *sensing* merujuk kepada individu yang praktikal dan berfikiran rasional di samping sentiasa bersifat prihatin dan mengikuti perkembangan semasa. Sikap ini menjadikan diri mereka lebih gemarkan informasi yang jelas dan konkrit. Individu ini juga mudah mengimbas dan mengingat peristiwa lepas dengan terperinci berbanding dengan ciri-ciri seorang yang bersikap *intuitive* yang lebih suka menggunakan imaginasi dan mencipta kemungkinan yang baru. Oleh itu, mereka gemar untuk mengimbas kembali secara memberikan penekanan ke atas pola, konteks dan hubungan. Walaupun begitu, individu ini gemarkan maklumat yang kurang jelas dan masih kabur.

Jadual 2.2: Ciri-ciri *Sensing* dan *Intuition*

Ciri-ciri <i>Sensing</i>	Ciri-ciri <i>Intuitive</i>
Sentiasa mengikuti perkembangan semasa	Sentiasa memikirkan masa hadapan
Praktikal dan berfikiran rasional	Menggunakan imaginasi dan mencipta kemungkinan-kemungkinan baru
Mengimbas fakta dan peristiwa lepas dengan terperinci	Mengimbas kembali secara memberikan penekanan ke atas pola, konteks & hubungan
Mudah menyesuaikan diri berdasarkan pengalaman lepas	Mudah menyesuaikan diri berdasarkan pemahaman teori
Gemar informasi yang jelas dan konkrit	Gemar kepada maklumat yang kurang jelas

Sumber : http://www.personalitypathways.com/type_inventory.html

2.4.3 *Thinking (T) atau Feeling (F)*

Individu bersifat *thinking* ini selalu membuat keputusan berdasarkan fakta dan logik. Ini membolehkan dirinya berupaya membuat analisis secara objektif dan kritis. Ciri tersebut menjadikan dirinya sentiasa berfokus kepada tugas yang perlu

disempurnakan. Salah satu ciri individu yang bersifat *feeling* ini ialah bersikap prihatin dan ini menjadikan dirinya sering membuat keputusan berdasarkan perasaan sendiri dan kesannya ke atas orang lain. Individu ini cuba untuk mendapatkan persetujuan dan pendapat ramai dalam melaksanakan sesuatu dan sukar untuk menerima konflik.

Jadual 2.3: Ciri-ciri *Thinking* dan *Feeling*

Ciri-ciri <i>Thinking</i>	Ciri-ciri <i>Feeling</i>
Membuat keputusan berdasarkan fakta dan logik	Membuat keputusan berdasarkan perasaan sendiri dan kesannya ke atas orang lain
Fokus kepada tugas yang perlu disempurnakan	Prihatin terhadap keperluan dan reaksi orang lain
Berupaya untuk membuat analisis secara objektif & kritis	Sentiasa mencari persetujuan dan pendapat ramai
Bersedia menerima konflik secara terbuka	Tidak dapat menerima konflik

Sumber : http://www.personalitypathways.com/type_inventory.html

2.4.4 *Perceiving (P)* atau *Judging (J)*

Merancang sebelum melakukan sesuatu merupakan ciri utama individu bersifat *judging*. Individu ini akan melakukan tugas baru apabila tugas lama telah selesai dengan sempurna dan akan merancang kerja dengan baik untuk mengelakkan tekanan. Kehidupan individu ini lebih terancang dengan sikapnya yang suka mengurus kehidupan dengan perancangan yang rapi. Pada kebiasaannya, mereka tidak suka merancang dan suka mencampur adukkan antara tugas dengan bukan tugas. Individu ini juga tidak gemarkan komitmen yang terancang yang mengganggu kebebasannya.

Jadual 2.4: Ciri-ciri *Judging* dan *Perceiving*

Ciri-ciri <i>Judging</i>	Ciri-ciri <i>Perceiving</i>
Merancang sebelum bertindak	Tiada perancangan
Menyelesaikan sesuatu tugas sehingga sempurna sebelum memulakan tugas baru	Mencampur-adukkan tugas dan bukan tugas
Merancang kerja dengan baik untuk mengelak tekanan	Memberikan yang terbaik dalam keadaan tertekan
Mengurus kehidupan dengan perancangan yang rapi	Mengelak komitmen yang mengganggu kebebasannya

Sumber : http://www.personalitypathways.com/type_inventory.html

2.5 Enam Belas Jenis Personaliti Mengikut MBTI

Menurut MBTI, terdapat 16 jenis personaliti yang nyata. Model Jenis Personaliti yang paling diterima umum ini terbentuk hasil daripada gabungan empat jenis perwatakan iaitu Extrovert (*E*) atau Introvert (*I*), *Sensing (S) atau Intuitive (N)*, *Thinking (T) atau Feeling (F)* dan *Judging atau Perceiving (P)*. Setelah digabungkan antara keempat-empat jenis personaliti ini maka akan terbentuklah jenis personaliti seperti ISTJ, ISTP, ESTP, ESTJ, ISFJ, ISFP, ESFP, ESFJ, INFJ, INFP, ENFJ, INTJ, INTP, ENTP, dan ENTJ. Keterangan berkenaan jenis personaliti adalah seperti berikut:

2.5.1 *Introvert Sensing Thinking Judging (ISTJ) – Penyempurnaan Tugas*

Individu ini bersifat gemar berfikir dahulu sebelum bertindak. Mereka juga selalu bersikap praktikal dan sentiasa berfikiran rasional. Di samping itu, mereka fokus pada tugas dan berupaya membuat analisis secara objektif dan kritis adalah antara keistimewaan individu ini. Oleh itu, mereka boleh dikatakan sebagai individu yang bijak dalam merancang dan mengurus kehidupannya.

2.5.2 *Extrovert Sensing Feeling Perceiving (ESFP) – Pelaksana*

Individu ini akan bertindak dahulu dalam melakukan sesuatu sebelum berfikir. Selain bersikap praktikal dan berfikiran rasional terhadap sesuatu perkara, mereka merupakan individu yang tidak sukakan konflik dan akan membuat keputusan dengan menimbangkan perasaan sendiri serta kesannya ke atas orang lain. Sifat kurang baik yang ada pada individu ini adalah mereka kurang membuat perancangan dan akan hanya memberikan sesuatu yang terbaik apabila berada dalam keadaan tertekan. Selain daripada itu, individu jenis ini gemar mengelak daripada komitmen yang mengganggu kebebasannya.

2.5.3 *Extrovert Intuitive Thinking Judging (ENTJ) – Eksekutif*

Individu jenis ini gemar bertindak dahulu sebelum berfikir dalam melakukan sesuatu. Mereka merupakan individu yang kreatif dan menggunakan imaginasi untuk bertindak. Dalam pada itu, mereka sentiasa fokus pada tugas dan berupaya membuat analisis secara objektif dan kritis. Walaupun mereka bertindak dengan keadaan segera, tetapi mereka adalah jenis yang bijak menguruskan kehidupannya dengan perancangan yang rapi.

2.5.4 *Extrovert Sensing Thinking Judging (ESTJ) – Penjaga*

Individu ini akan bertindak dengan segera tanpa memikirkan dahulu tindakan yang akan dilakukannya. Sikap praktikal dan berfikiran rasional yang ada pada diri mereka memudahkan golongan ini untuk bertindak dalam melakukan sesuatu. Mereka juga gemar menfokus kepada tugas dan berupaya membuat analisis secara objektif dan kritis. Di samping itu juga, mereka merupakan individu yang bijak dalam mengurus kehidupannya dengan perancangan yang rapi.

2.5.5 *Introvert Sensing Feeling Judging (ISFJ) – Pengasuh*

Individu ini akan berfikir sebelum melakukan sesuatu perkara. Sikap praktikal dan berfikiran rasional yang ada padanya memudahkan tindakan yang bakal dilakukannya. Individu ini akan membuat keputusan dengan menimbang perasaan sendiri dan kesannya ke atas orang lain dan tidak suka pada kewujudan konflik. Mereka merupakan individu yang pandai membuat perancangan hidup yang rapi di samping bijak menguruskannya.

2.5.6 *Extrovert Sensing Feeling Judging (ESFJ) – Pemberi Perlindungan*

Individu jenis ini tidak mengambil masa yang lama untuk bertindak dalam melakukan sesuatu. Bagaimana pun, mereka tetap memiliki sikap praktikal dan berfikiran terbuka yang dapat membantunya dalam membuat keputusan. Keputusan yang dibuat juga adalah dengan mengambil kira perasaan orang lain dan dirinya sendiri. Individu ini juga sentiasa cuba untuk mengelak daripada konflik dan bijak dalam menguruskan kehidupan serta mampu membuat perancangan yang baik.

2.5.7 *Introvert Sensing Thinking Perceiving (ISTP) – Mekanik*

Individu ini akan bertindak apabila telah memikirkan sebaik-baiknya perkara yang hendak dilakukannya. Sikap praktikal dan berfikiran rasional yang ada pada dirinya akan menjadikan dirinya sentiasa fokus pada tugas dan berupaya untuk membuat analisis secara objektif dan kritis. Namun, individu ini juga adakalanya tidak mahir dalam membuat perancangan dan akan memberikan yang terbaik apabila terdapat tekanan tertentu seperti masa dan bebanan tugas. Mereka juga tidak gemarkan komitmen yang mengganggu kebebasannya. Ini bermakna mereka tidak suka pada perancangan yang formal.

2.5.8 *Extrovert Sensing Thinking Perceiving (ESTP) - Pelaku*

Individu ini akan bertindak dahulu sebelum berfikir. Individu ini juga bersikap praktikal dan berfikiran rasional. Individu ini bijak menfokus pada tugas dan berupaya membuat analisis secara objektif dan kritis. Walaupun begitu, individu ini tidak gemar pada perancangan yang formal dan akan memberikan yang terbaik pada sesuatu apabila berada dalam keadaan tertekan.

2.5.9 *Introvert Sensing Feeling Perceiving (ISFP) – Artis*

Sebelum melakukan sesuatu perkara, individu ini akan berfikir dahulu baru bertindak. Mereka memiliki sikap individu yang praktikal dan berfikiran rasional. Apabila membuat keputusan, individu ini akan menimbangkan perasaan sendiri dan kesannya ke atas individu lain. Mereka juga berusaha untuk tidak bertemu dengan konflik kerana tidak menggemarinya. Dalam pada itu, mereka tiada perancangan yang jelas dan cuba mengelakkan daripada keadaan yang formal atau yang dirancang.

2.5.10 *Introvert Intuitive Thinking Judging (INTJ) – Saintis*

Individu jenis ini sering berfikir dahulu sebelum bertindak. Mereka merupakan seorang yang kreatif dan menggunakan daya imajinasinya untuk bertindak. Mereka juga berfikiran jauh ke hadapan dan sentiasa fokus pada tugas serta berupaya membuat analisis secara objektif dan kritis. Individu ini merupakan individu yang bijak dalam mengurus kehidupan dan membuat perancangan diri.

2.5.11 *Extrovert Intuitive Thinking Perceiving (ENTP) – Penyokong Wawasan*

Individu ini tidak memerlukan masa yang banyak apabila ingin bertindak. Mereka berfikiran kreatif dan gemar membangunkan imajinasinya. Selain itu,

ianya sentiasa berfikiran futuristik. Kelebihan fokus yang diberikan kepada tugas serta berupaya membuat analisis secara objektif dan kritis menjadikan diri mereka lebih disenangi. Walaupun tiada perancangan dalam melakukan sesuatu, tetapi mereka akan sentiasa memberikan yang terbaik walaupun berada dalam keadaan tertekan.

2.5.12 *Introvert Intuitive Thinking Perceiving (INTP) – Pemikir*

Individu ini akan berfikir dahulu sebelum bertindak. Mereka memiliki daya pemikiran yang kreatif dan akan cuba untuk membangunkan imajinasinya untuk menjadi realiti sebenar. Walaupun tidak gemarkan perancangan dan kehidupan yang formal, tetapi mereka memberi sepenuh perhatian terhadap tugas dan berupaya dalam membuat analisis secara objektif dan kritis.

2.5.13 *Extrovert Intuitive Feeling Judging (ENFJ) – Pemberi*

Individu ini akan bertindak dahulu sebelum berfikir dan adakalanya, mereka bersifat spontan. Tindakan yang dilakukan adalah berbekalkan dengan daya pemikiran yang kreatif dan imajinasinya. Oleh itu, banyak perkara-perkara yang tidak diduga akan mudah dilakukannya. Apabila membuat sesuatu keputusan, individu ini sedaya upaya akan menimbangakan perasaan sendiri dan orang sekeliling dan tidak gemarkan konflik berlaku. Mereka sentiasa membuat perancangan yang rapi dalam menguruskan hidupnya.

2.5.14 *Introvert Intuition Feeling Judging (INFJ) – Pelindung*

Apabila ingin bertindak, individu ini akan berfikir dahulu samada ianya mendatangkan kebaikan atau sebaliknya. Mereka juga merupakan seorang yang berfikiran kreatif dan menggunakan daya imajinasinya dalam melakukan sesuatu perkara. Keputusan yang dibuat adalah hasil pertimbangan terhadap keperluan diri dan perasaan orang lain. Oleh itu, mereka tidak gemarkan konflik berlaku. Individu

ini juga merupakan orang yang bijak mengurus kehidupan dan membuat perancangan yang rapi untuk dirinya.

2.5.15 *Extrovert Intuitive Feeling Perceiving (ENFP) – Pengilham*

Individu ini biasanya tidak mengambil masa yang lama untuk bertindak. Berbekalkan pemikiran yang kreatif dan imaginasi yang kuat, ia memudahkan lagi tindakan yang bakal dilakukan. Walaupun bertindak dalam masa yang singkat, keputusan yang dibuat adalah hasil daripada pertimbangan diri dan perasaan serta kesan ke atas orang lain. Mereka tidak gemarkan perancangan dan cuba untuk mengelak komitmen yang mengganggu kebebasannya untuk bertindak.

2.5.16 *Introvert Intuitive Feeling Perceiving (INFP) – Idealis*

Individu jenis ini akan berfikir dahulu sebelum melakukan sesuatu. Mereka juga merupakan seorang yang berfikiran kreatif dan menggunakan daya imajinasinya untuk bertindak. Apabila membuat keputusan, individu ini sering memikirkan tentang masa depan dengan menimbangankan perasaan sendiri dan kesannya ke atas orang lain dan tidak suka pada kewujudan konflik. Selain itu, individu ini tidak gemarkan perancangan. Mereka sentiasa cuba mengelak daripada komitmen yang mengganggu kebebasannya.

2.6 Model Prestasi


2.6.1 Model Prestasi Kerja Porter dan Lawler (1968)

Porter & Lawler (dalam Ezhar, 1981) telah membuat satu Model Prestasi Kerja yang meliputi aspek-aspek yang ada pada para pekerja. Sebagai rumusan, prestasi kerja dalam model ini merujuk kepada aspek pengetahuan kerja, kebolehan membuat pertimbangan, kebolehan individu dan motivasi

dengan mengambil kira rangsangan sama ada dari organisasi mahupun dari dalaman. Rajah 2.1 menunjukkan peringkat-peringkat bagaimana prestasi pekerja dapat dikenalpasti.

Reitz (1987) menyatakan prestasi adalah fungsi kepada kebolehan individu dan motivasi di mana prestasi individu adalah dipengaruhi oleh interaksi antara kebolehan individu dengan motivasi. Kebolehan adalah merujuk kepada kemahiran fizikal, mental, pengetahuan dan pengalaman di mana individu menggunakannya semasa menjalankan tugas. Motivasi pula berkaitan dengan daya usaha di mana kebolehan digunakan untuk menjalankan tugas.

Melalui latihan yang berkesan, peningkatan pengetahuan dan kemahiran membolehkan individu lebih memahami tentang hakikat tugas yang perlu dilaksanakan serta perkembangan diri dan juga kerjaya mereka. Ini menunjukkan bahawa motivasi untuk berusaha adalah merupakan penggerak utama kepada peningkatan prestasi kerja dan kedua-duanya mempunyai hubungan rapat dalam proses pencapaian matlamat diri dan organisasi. Seterusnya, mereka akan bertindak aktif dalam mencari tanggungjawab baru dalam perkhidmatan untuk terus meningkatkan prestasi kerja kesan dari latihan yang diikuti.



Rajah 2.1 : Model Prestasi Kerja Porter & Lawler
Sumber: Ezhar (1981)


2.6.2 Model Prestasi Szilagy dan Wallace (1987)

Satu model yang dapat menjelaskan tentang prestasi individu ialah yang diperkenalkan oleh Szilagy dan Wallace (1987) seperti yang terdapat pada Rajah 2.2 di bawah ini. Model ini memperkatakan tentang dua bentuk rangsangan yang mempengaruhi prestasi kakitangan iaitu rangsangan daripada organisasi dan rangsangan daripada persekitaran dalam konteks organisasi industri. Rangsangan daripada organisasi adalah berupa arahan dan latihan. Pihak pengurusan yang peka kepada peningkatan prestasi kakitangan selain dari memberi arahan akan turut mempengaruhi tingkah laku dan prestasi kakitangan.

Latihan disediakan dan ia perlu wujud sebelum prestasi kerja individu dapat ditingkatkan. Ini dilaksanakan dengan memberi latihan kepada bentuk kemahiran

yang dikehendaki. Ini adalah rangsangan dari organisasi yang perlu wujud sebelum daya usaha, tingkah laku dan prestasi dapat ditingkatkan. Rangsangan persekitaran akan mewujudkan tindak balas seperti daya usaha, tingkah laku dan prestasi. Di antara kedua-dua keadaan inilah terletak faktor psikologi seperti pembelajaran dan kebolehan yang pada asasnya adalah penghubung antara latihan dan prestasi kerja. Kebolehan dalam konteks ini merujuk kepada kemahiran fizikal, pengetahuan dan pengalaman di mana individu atau pekerja menggunakannya semasa menjalankan tugas.

Model ini menghubungkan perkaitan antara faktor dalaman individu yang saling bertindak sekiranya dibantu oleh rangsangan organisasi akan mewujudkan satu set tingkah laku iaitu prestasi kerja individu. Tingkah laku sebagai faktor luaran kepada individu dapat diperhatikan secara empirikal. Dari segi matlamat untuk perkembangan pekerja, maklum balas mengenai tingkat prestasi kerjanya boleh memotivasikan seseorang itu untuk meningkatkan keupayaan bekerja atau memperbaiki kelemahannya yang ada kerana motivasi adalah berupaya daya usaha di mana kebolehan digunakan untuk melakukan kerja.




Rajah 2.2. : Model Prestasi Szilagyi dan Wallace

Sumber: Szilagyi dan Wallace (1987)

2.6.3 Model Kajian Personaliti, Borang Permohonan dan Prestasi Kerja

Menurut model yang dikemukakan oleh Ahmad Suffian (2001), personaliti dilihat sebagai faktor yang menentukan prestasi kerja seseorang individu. Pengukuran personaliti adalah berdasarkan satu dimensi personaliti yang selalu di ukur iaitu keterbukaan atau lebih dikenali sebagai Ekstrovert dan Introvert yang merangkumi jenis personaliti yang terdapat di dalam Personaliti Myres Briggs. Selain itu, dalam model ini juga ada menilai beberapa kriteria yang menentukan prestasi kerja individu seperti kualiti, minat, kemajuan diri, sikap, kecekapan, hubungan dengan rakan sekerja, gaya kepimpinan dan sebagainya.




**Rajah 2.3 : Model Personaliti, Borang Permohonan dan Prestasi Kerja
Ahmad Suffian**

Sumber : Suhaini Mohd Noor (2003)

2.6.4 Model Kajian

Model kajian yang dikemukakan adalah berdasarkan kepada aspek-aspek yang dikaji. Ini bererti semua kandungan dalam model ini ada perkaitan dengan tujuan kajian (Lihat Rajah 2.4). Jika dilihat, aspek profil peribadi dan latar belakang keluarga dikatakan perkara yang boleh mempengaruhi prestasi pelajar. Oleh itu, maklumat berkenaan profil peribadi dan keluarga seperti tempat tinggal pelajar, hubungan dengan ibu bapa pelajar dan seumpamanya adalah penting.



Rajah 2.4 : Model Kajian

Begitu juga dengan aspek faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran pelajar. Aspek seperti sikap, keyakinan diri, motivasi, minat, pergaulan dan

kerohanian adalah antara salah satu penyebab kepada perkembangan prestasi individu. Sejauhmana persekitaran pembelajaran pelajar dapat memberi kesan ke atas prestasi diri mereka? Faktor-faktor ini adakalanya boleh dikawal sekiranya perancangan dan pelaksanaan tatacara kehidupan dijalankan dengan sempurna. Dengan ini barulah, prestasi yang baik dapat dihasilkan. Jenis personaliti juga mempengaruhi kedudukan prestasi seseorang pelajar. Adakah jenis personaliti tertentu itu, menjadikan prestasi mereka sedemikian rupa? Apakah jenis personaliti yang mereka ada? Maklumat ini, akan menentukan prestasi para pelajar dan seterusnya mudah bagi pengkaji mengetahui apakah sebenar keperluan yang dikehendaknya agar tindakan pemulihan dapat diambil dengan segera. Latihan yang bakal diberikan mestilah berdasarkan keperluan pelajar agar perubahan segera dapat dilakukan.

2.7 Kajian-Kajian Lepas

Di Malaysia, tidak terdapat banyak kajian berkenaan dengan prestasi mahasiswa dan perkaitannya dengan personaliti. Antara beberapa kajian yang telah dijalankan termasuklah Teo (1991) yang menjalankan kajian berkenaan dengan hubungan personaliti, tabiat pelajar dan sikap belajar dengan pencapaian akademik. Kajian telah dijalankan di Fakulti Sains Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan melibatkan responden seramai 190 orang. Hasil kajian mendapati bahawa kajian yang dijalankan bahawa terdapat hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar.

Jalong (1996) pula menjalankan kajian terhadap perkaitan antara personaliti dengan prestasi akademik pelajar di Pusat Matrikulasi Universiti Putra Malaysia. Hasil kajian ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti dengan prestasi akademik. Kajian Zamli (1998) berkenaan dimensi personaliti Ekstrovert-Introvert dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik di Kalangan Pelajar Melayu di Sekolah-Sekolah Menengah. Hasil kajian mendapati

bahawa pelajar yang menunjukkan ciri-ciri personaliti yang “ekstrovert” lebih cemerlang berbanding dengan mereka yang bercirikan “introvert”. Selain itu, hasil kajian juga mendapati terdapat hubungan yang positif terhadap personaliti dan dimensinya dengan prestasi para pelajar.

Kajian yang dijalankan oleh Farminah (1998) adalah berkaitan dengan personaliti dan perkaitannya dengan tret-tret personaliti dengan kecerdasan golongan remaja. Kajian ini dijalankan ke atas remaja seramai 50 orang yang dipilih secara rawak. Hasil kajian mendapati memang wujud hubungan yang signifikan antara tret-tret personaliti dengan kecerdasan mental. Selain itu, terdapat kajian yang hampir sama yang dijalankan oleh Muhamad Yusuff (1998) di mana mengkaji hubungan di antara personaliti dengan pencapaian kerja kursus pendidikan Islam dinamika guru-guru pelatih Maktab Pengurusan Tengku Ampuan Afzan, Kuantan. Seramai 160 orang responden telah di pilih bagi menjawab borang soal selidik yang dikemukakan. Hasil kajian mendapati ada hubungan yang signifikan antara tret-tret personaliti dan hubungan sosial dengan pencapaian kerja. Dapatan juga mendapati tiada hubungan yang positif dengan tret-tret personaliti dengan keaktifan, orientasi, pencapaian, penghargaan sendiri, atonemi dan sifat bertanggungjawab dengan pencapaian kerja kursus.

Satu lagi kajian yang hampir sama dijalankan oleh Ramlah (1998). Kajian ingin melihat personaliti dan hubungannya dengan pencapaian akademik guru-guru pelatih Maktab Perguruan Tengku Ampuan Afzan, Kuantan. Kajian ini bertujuan untuk melihat perbezaan jenis personaliti ekstrovert, introvert, neurotik dan kestabilan antara guru pelatih lelaki dan perempuan semester 4. Turut dikaji hubungan antara personaliti dengan pencapaian kerja kursus dan melihat jenis personaliti yang menjadi peramal kepada pencapaian kerja kursus tersebut. Dapatan menunjukkan tidak terdapat hubungan antara personaliti ekstrovert, introvert, neurotik dan kestabilan dengan pencapaian kerja kursus.

Kajian Jaganadan (2000) berkaitan gaya pembelajaran pelajar berprestasi rendah di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Pai Chee, Mersing bertujuan untuk mengenalpasti gaya pembelajaran yang sesuai perlu bagi diketahui untuk meningkatkan prestasi pelajar-pelajar yang berprestasi rendah di samping melihat faktor yang mempengaruhi persekitaran seperti emosi dan personaliti pelajar. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kemerosotan prestasi pelajar termasuklah aspek tingkah laku pelajar, personaliti, latar belakang keluarga dan gaya pembelajaran yang dihadapi kini.

Kebanyakan kajian di luar negara lebih tertumpu kepada aspek personaliti dengan prestasi para pekerja di dalam sesebuah organisasi. Namun, terdapat juga beberapa kajian ringkas yang berkaitan dengan prestasi akademik pelajar dengan personaliti. Kajian yang dijalankan oleh Southworth (1998) ke atas 227 orang pelajar lelaki dan wanita di 14 buah '*junior school*' di Lancashire mendapati bahawa ciri-ciri personaliti ekstrovert atau faktor keterbukaan mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan prestasi yang dimiliki oleh para responden.

Kajian Brun (dalam Sharma & Radha, 1985) merumuskan bahawa pelajar yang memiliki ciri-ciri personaliti yang mewujudkan masalah emosi kurang berjaya jika dibandingkan dengan golongan yang berpersonaliti emosi stabil. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa golongan berpersonaliti emosi kurang stabil (*Neurotisme*) dan sering tertekan (*Psychotisme*) mempunyai kecenderungan untuk memperolehi keputusan yang lemah. Kajian bagi melihat personaliti pekerja dalam meningkatkan prestasi pekerjanya turut dijalankan di syarikat-syarikat besar, (Robbins, 2000). Sebuah buku memprofilkan tiga belas orang peniaga terkini membentuk syarikat-syarikat yang amat berjaya, ini termasuklah *Apple Computer*, *Federal Express*, *Honda Motors*, *Microsoft*, *GE*, *3 M*. Semua kajian yang dilakukan mampu menentukan apakah jenis personaliti berdasarkan perwatakan yang ada dalam diri sendiri.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini menjelaskan kaedah kajian yang digunakan bagi mencapai objektif dan matlamat kajian ini. Bahagian ini turut menghuraikan rekabentuk kajian, kaedah pengumpulan data, kaedah persampelan, instrumen kajian dan kaedah penganalisan data.

3.2 Reka bentuk Kajian

Penentuan reka bentuk kajian merupakan aspek penting bagi mendapatkan kajian yang terancang dan teratur. Reka bentuk dan perancangan awal dapat membantu pengkaji dalam melaksanakan kajian supaya ianya berjalan dengan lebih lancar bagi memastikan objektif kajian ini tercapai. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis keperluan latihan di kalangan pelajar yang berprestasi kurang memuaskan di FPPSM. Di samping itu juga, kajian turut mengenalpasti profil dan jenis personaliti pelajar dan faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran pelajar.

Responden kajian terdiri daripada semua pelajar yang berprestasi kurang memuaskan di FPPSM yang dikenalpasti melalui keputusan peperiksaan yang telah mereka perolehi setakat ini. Huraian deskriptif digunakan bagi mendapatkan satu

analisis yang menyeluruh bagi kajian ini termasuklah dari segi huraian dan data-data. Ini bermakna kaedah analisis kuantitatif digunakan dalam kajian ini kerana ianya melibatkan data-data yang terperinci.

3.3 Kaedah Persampelan

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar di Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, UTM. Responden yang menjadi sampel kajian merupakan pelajar-pelajar yang mendapat keputusan peperiksaan dengan nilai purata CGPA di bawah 2.5. Terdapat tiga bidang pengajian yang ditawarkan kepada para pelajar FPPSM tersebut iaitu. Ijazah Sarjana Muda Pegurusan (Teknologi) (SHT), Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) (SHG) dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Pembangunan Sumber Manusia) (SHP). Sebanyak 182 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden dan hasil kutipan data menunjukkan seramai 168 orang telah mengembalikan semula borang soal selidik yang diberikan.

3.4 Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan data primer sebagai kaedah pengumpulan data yang utama dengan penggunaan borang soal selidik. Dalam kajian, satu set borang soal selidik disediakan dan dibentuk untuk diberikan kepada responden. Soal selidik tersebut mengandungi soalan yang bertujuan untuk mendapatkan data-data profil peribadi, latar belakang pelajar dan keluarga, persepsi pelajar berkenaan faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran pelajar serta latihan yang diperlukan untuk meningkatkan prestasi pembelajaran mereka.

3.5 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan instrumen borang soal selidik dalam mendapatkan data kajian daripada semua responden. Satu set borang soal selidik digunakan bagi mendapatkan maklumat yang merangkumi soalan-soalan berkaitan dengan objektif kajian. Nilai kebolehpercayaan (*reliability*) borang soal selidik adalah 0.659. Soalan-soalan yang terkandung dalam soal selidik ini dibahagikan kepada tujuh bahagian seperti yang disenaraikan di Jadual 3.1:

Jadual 3.1 : Pembahagian Borang Soal Selidik

Bahagian	Soalan Berhubung Aspek:
Bahagian I	
A	(a) Latar Belakang Diri (b) Latar Belakang Ibu/Bapa/Penjaga
Bahagian II	
B	Aspek Teknik Belajar
C	Aspek Sikap
D	Aspek Pergaulan, Minat dan Motivasi
E	Aspek Kerohanian
F	Aspek Keyakinan Diri
G	Inventori Personaliti

Soalan bahagian A dapat membantu pengkaji untuk mengetahui latar belakang profil para responden dan mengenalpasti serba sedikit latar belakang ahli keluarga. Di bahagian A ini, pengkaji telah membahagikannya kepada dua bahagian kecil, iaitu (a) untuk latar belakang diri dan (b) untuk latar belakang ibu/bapa/penjaga responden.

Soalan di bahagian II soal selidik pula adalah berdasarkan Skala Likert yang terdiri daripada lima peringkat jawapan seperti Jadual 3.2:

Jadual 3.2 : Skala Likert

1	2	3	4	5
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju

Sumber :Likert, (dalam Chin Su Ching, 2003)

Responden menjawab soalan yang dikemukakan berdasarkan tahap-tahap persetujuan mereka terhadap setiap item. Di bahagian ini juga terkandung lima bahagian kecil yang terdiri daripada Bahagian B untuk aspek Teknik Belajar, Bahagian C untuk aspek Sikap, Bahagian D untuk aspek Pergaulan, Minat dan Motivasi, Bahagian E untuk aspek Kerohanian dan Bahagian F untuk aspek Keyakinan Diri.

Di samping itu juga, Bahagian II turut mengandungi soalan berkaitan aspek Personaliti yang terdapat di Bahagian G. Di bahagian ini, semua soalan adalah berkaitan dengan penentuan ciri-ciri personaliti yang dikemukakan oleh *Myres Briggs*. Responden hanya perlu memilih satu daripada dua jawapan yang disediakan dalam bahagian Personaliti ini.

Jadual 3.3 : Pengiraan Skor MBTI

Item Bagi <i>Introvert</i>	Item Bagi <i>Extrovert</i>	Item Bagi <i>Sensing</i>	Item Bagi <i>Intuitive</i>
2a	2b	1b	1a
6a	6b	10b	10a
11a	11b	13a	13b
15b	15a	16a	16b
19b	19a	17a	17b
22a	22a	21a	21b
27b	27a	28b	28a
32b	32a	30b	30a

Personaliti jenis I atau E

(jika skor bagi I atau E sama, jangan kira soalan 11)

Personaliti Jenis S atau N

(jika skor bagi S atau N sama, jangan kira soalan 16)

Item Bagi <i>Thinking</i>	Item Bagi <i>Feeling</i>	Item Bagi <i>Judging</i>	Item Bagi <i>Perceiving</i>
3a	3b	4a	4b
5a	5b	7a	7b
12a	12b	8b	8a
14b	14a	9a	9b
20a	20b	18b	18a
24b	24a	23b	23a
25a	25b	26a	26b
29b	29a	31a	31b

Personaliti jenis T atau F

(jika skor bagi T atau F sama, jangan kira soalan 11)

Personaliti Jenis J atau P

(jika skor bagi S atau P sama, jangan kira soalan 16)

Sumber : Marcia et al. Dalam Chin Su Ching (2003)

Di bahagian belakang helaian soal selidik, pengkaji turut menyediakan pilihan kepada responden dalam menentukan latihan yang diperlukannya. Antara jenis latihan yang dikemukakan termasuklah Pengurusan Masa, Kemahiran Belajar, Teknik Menghadapi Peperiksaan, Komunikasi Berkesan, Pembangunan Diri, Bimbingan Kerjaya dan Tujuh Amalan Individu Berjaya.

3.6 Kaedah Penganalisan Data

Kaedah Analisis Kuantitatif digunakan oleh pengkaji untuk menilai dapatan daripada borang soal selidik dengan berpandukan penggunaan pengaturcaraan komputer "*Statistical Package For Social Science*" (SPSS). Ini meliputi semua dapatan borang soal selidik mengikut objektif kajian. Skor yang diperolehi dipersembahkan melalui bentuk deskriptif iaitu berdasarkan kepada taburan peratusan, kekerapan dan min. Nilai min yang tinggi menunjukkan persetujuan yang tinggi terhadap aspek yang dikemukakan. Penggunaan statistik ini menjelaskan hasil kajian secara ringkas, berkesan dan mudah difahami berdasarkan kepada data yang diperolehi. Aspek Personaliti pula menggunakan perkiraan secara *manual* untuk menentukan jenis personaliti individu responden tersebut. Terdapat 16 jenis personaliti menurut *Myres-Briggs* yang boleh ditentukan dalam kajian ini seperti yang telah dipaparkan dalam Bab II.

BAB IV

ANALISIS KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan segala dapatan yang diperolehi menerusi kajian tinjauan yang dijalankan. Analisis kajian dibuat berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui pengedaran borang soal selidik kepada para pelajar. Semua data daripada borang soal selidik dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan kaedah taburan kekerapan, min dan peratusan. Analisis personaliti pula dilakukan secara manual berdasarkan kepada analisis *Myers-Briggs Type Indicator* (MBTI) bagi menentukan jenis personaliti yang dimiliki oleh seseorang pelajar.

4.2 Aspek Demografi Pelajar

Sejumlah 182 unit borang soal selidik telah di edar kepada para pelajar yang berprestasi kurang memuaskan di FPPSM. Daripada jumlah ini, seramai 168 orang telah mengembalikannya untuk dianalisis. Senarai nama pelajar yang berprestasi kurang memuaskan (CGPA di bawah 2.5) yang dipilih sebagai sampel kajian ini diperolehi daripada Bahagian Akademik FPPSM. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada para pelajar, hasil kajian berikut diperolehi (Lihat Jadual 4.1).

Jadual 4.1: Taburan Demografi Pelajar

Demografi	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	83	49.4
	Perempuan	85	50.6
Kumpulan Etnik	Melayu	144	85.7
	Cina	11	6.5
	India	9	5.4
	Lain-lain	4	2.4
Tempat Dibesarkan	Kampung	62	36.9
	Pekan Kecil	24	14.3
	Pinggir Bandar	24	14.3
	Bandar	43	25.6
	Bandaraya	15	8.9
Tahun Pengajian & Kursus	4SHP	12	7.2
	4SHT	41	24.4
	4SHG	14	8.3
	3SHP	4	2.4
	3SHT	29	17.3
	3SHG	11	6.5
	2SHP	2	1.2
	2SHT	31	18.5
	2SHG	1	0.6
	1SHR	17	10.1
1SHD	6	3.6	
Tempat Tinggal	Asrama	117	69.6
	Luar	51	30.4
Status Pemilikan Kenderaan	Ya	85	50.6
	Tidak	83	49.6
Jenis Kenderaan	Basikal	7	4.2
	Motosikal	61	36.3
	Kereta	17	10.1
	Tidak Berkenderaan	83	49.4
Penaja Pengajian	Ya	144	85.7
	Tidak	24	14.3
Nama Penaja	PTPTN	132	78.6
	MARA	3	1.8
	JPA	11	6.5
	Yayasan Negeri	1	0.6
	Lain-lain	4	2.4

Analisis pertama dalam borang soal selidik ini adalah berkaitan dengan maklumat demografi responden dengan menyenaraikan maklumat berkenaan taburan kekerapan dan peratusan demografi di kalangan pelajar (Lihat Jadual 4.1). Kajian ini

mendapati bahawa majoriti responden adalah perempuan (51.2%) berbanding lelaki (48.8%). Bagi kategori kumpulan etnik pula, didapati bahawa sebahagian besar responden berketurunan Melayu (85.7%), diikuti dengan etnik Cina (6.5%) dan etnik India (5.4%). Hanya 2.4% adalah mereka yang terdiri daripada lain-lain kumpulan etnik. Dari segi tempat tinggal pula, majoriti responden berasal daripada kampung (36.9%) manakala hanya 25.6% dibesarkan di bandar, 8.9% berasal dari bandaraya dan selebihnya tinggal kawasan pekan kecil dan pinggir bandar (28.6%).

Item bagi tahun kursus bagi kajian ini melibatkan ke empat-empat tahun kursus yang ada di FPPSM. Majoriti responden adalah terdiri daripada pelajar Tahun Empat atau Tahun Akhir, iaitu seramai 41 orang bagi kursus Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi) (SHT) dan 112 orang bagi kursus Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Sumber Manusia (SHP) dan selebihnya adalah daripada kursus Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) (SHG). Bagi pelajar Tahun Tiga pula, kursus Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi) (SHT) adalah seramai 29 orang (17.3%) dan kursus Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) (SHG) adalah seramai 11 orang (6.5%). Bagi pelajar Tahun Dua pula, kursus Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi) (SHT) adalah penyumbang terbanyak iaitu 31 orang (18.5%) dan bagi pelajar Tahun Satu, kursus Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Sumber Manusia (SHP) adalah seramai 31 orang (18.5%). Dapatan juga menunjukkan bahawa 6 orang responden tidak mengisi bagi soalan ini.

Majoriti responden (69.6%) menetap di asrama berbanding hanya 30.4% tinggal di luar kampus. Seramai 85 orang (50.6%) memiliki kenderaan dan majoriti responden memiliki motosikal (36.3%). Seramai 17 orang (10.1%) responden menggunakan kereta sebagai kenderaan di kampus dan jumlah mereka yang berbasikal hanyalah seramai 7 orang (4.2%). Seramai 83 orang (49.6%) tidak memiliki kenderaan persendirian. Dapatan kajian juga mendapati seramai 144 orang responden (85.7%) menerima penajaan atau pinjaman pelajaran, manakala selebihnya tidak menerima sebarang tajaan. Kebanyakan mereka ini menerima pinjaman daripada

PTPTN (78.6%), diikuti dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (6.5%), Majlis Amanah Rakyat atau MARA (1.8%) dan tajaan Yayasan Negeri (0.6%).

4.2.1 Latar Belakang Keluarga/Penjaga

Dari segi aspek penjagaan responden, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden (95.3%) adalah di bawah penjagaan ibubapa. Ini bererti kedua ibu bapa mereka masih bertanggungjawab dalam memelihara anak-anak mereka. Dapatan juga menunjukkan hanya 8 orang (4.8%) adalah di bawah jagaan ibu sahaja dan seramai 9 orang (5.4%) tidak memaklumkan siapakah penjaga mereka yang sebenar. Majoriti status perkahwinan bagi penjaga responden (94.6%) adalah sebagai suami isteri manakala hanya 9 orang (5.4%) menyatakan ibu bapa mereka telah bercerai dan sebanyak 1.2% tidak menyatakan sebarang komen (Lihat Jadual 4.2).

Bagi aspek pekerjaan, pengkaji telah membahagikannya kepada lima jenis pekerjaan iaitu, bekerja dengan pihak kerajaan, bekerja dengan pihak swasta, bekerja sendiri, tidak bekerja dan lain-lain. Dapatan menunjukkan seramai 53 orang (31.5%) responden mempunyai bapa yang bekerja dengan pihak kerajaan manakala hanya 30 orang (17.9%) responden mempunyai ibu bekerja di sektor ini. Bagi sektor swasta pula, seramai 42 orang (25.0%) responden yang bapanya bekerja dengan pihak swasta dan 67 orang (39.9%) bekerja sendiri. Antara bidang pekerjaan tersebut termasuklah berniaga sendiri, bertani dan seumpamanya. Hanya 3 orang (1.8%) bapa responden tidak bekerja berbanding dengan golongan ibu yang majoritinya tidak bekerja iaitu seramai 119 orang (70.8%). Kebanyakan kaum ibu bertindak sebagai suri rumah sepenuh masa di samping membantu suami menjalani kehidupan seharian.

Jadual 4.2: Taburan Latar Belakang Keluarga/Penjaga

Demografi	Perkara	Kekerapa	Peratus (%)
Penjagaan	Ibubapa	160	95.3
	Ibu	8	4.8
Status Perkahwinan Ibubapa	Suami Isteri	157	94.6
	Bercerai	9	5.4
	Tidak Dinyatakan	2	1.2
Pekerjaan Penjaga	Pihak Kerajaan	53	31.5
	Pihak Swasta	42	25.0
	Bekerja Sendiri	67	39.9
	Tidak Bekerja	3	1.8
	Tidak Dinyatakan	3	1.8
Pekerjaan Ibu	Pihak Kerajaan	30	17.9
	Pihak Swasta	13	7.7
	Bekerja Sendiri	6	3.6
	Tidak Bekerja	119	70.8
Pendapatan Isi Rumah	Di bawah RM1000	215	63.99
	RM1001 – RM 2000	72	21.43
	RM2001 – RM3000	28	8.33
	RM3001 – RM4000	15	4.46
	RM4001 Ke Atas	6	1.79

Menurut kajian Prof. Datuk Ishak Haron dari Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, faktor utama yang menjadi punca kepada kelemahan prestasi pelajar ialah keadaan sosio-ekonomi keluarga. Dapatan kajian mengesahkan kebenaran kenyataan ini berdasarkan data kajian yang menunjukkan majoriti pendapatan isi rumah adalah rendah dan berada di bawah kurang daripada RM1000 iaitu seramai 215 orang (63.9%). Bagi yang berpendapatan antara RM1001 hingga RM2000 adalah seramai 72 orang (21.4%). Ini menunjukkan bahawa semua penjaga responden bukanlah terdiri daripada golongan yang mewah. Hanya 28

orang (8.3%) isi rumah responden berpendapatan dalam lingkungan RM 2001 hingga RM3000 manakala bagi mereka yang berpendapatan paling tinggi iaitu melebihi RM 4001 adalah seramai 6 orang (1.7%).

4.2.2 Pendorong Dalam Pembelajaran

Jadual 4.3 menunjukkan bahawa seramai 154 orang responden (91.7%) menganggap ibu sebagai pendorong utama dalam mereka menuntut ilmu berbanding seramai 147 orang (87.5%) memilih bapa mereka. Bagi kategori abang dan kakak pula, seramai 60 orang responden (35.7%) menganggap abang dan kakak merekalah antara pendorong mereka untuk terus belajar. Sejumlah 92 orang (54.8%) menjadikan rakan sebagai antara pendorong untuk belajar bersama manakala 43 orang (25.6%) menyatakan bahawa pensyarah menjadi pendorong dalam menuntut ilmu. Kajian juga mendapati antara individu lain yang memberi dorongan pada mereka untuk belajar adalah kekasih mereka sendiri dan minat sendiri yang menyebabkan mereka ingin terus belajar.

Jadual 4.3 : Taburan Pendorong Dalam Pembelajaran Pelajar

Pendorong	Kekerapan	Peratus (%)
Ibu	154	91.7
Bapa	147	87.5
Abang	60	35.7
Kakak	60	35.7
Penjaga	8	4.8
Rakan	92	54.8
Pensyarah	43	25.6
Lain-lain	4	2.4

4.3 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Pembelajaran Pelajar

Analisis di bahagian ini menjurus kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran para pelajar. Antaranya termasuklah faktor teknik belajar, faktor sikap, pergaulan, minat dan motivasi, kerohanian, dan faktor keyakinan diri pelajar.

4.3.1 Faktor Teknik Belajar

Teknik belajar merupakan satu proses yang penting bagi pelajar bagi meningkatkan lagi kecemerlangan dalam bidang akademik mereka. Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 52 orang responden (31%), iaitu terdiri daripada 5.4% pelajar Tahun Satu, 6.5% daripada pelajar Tahun Dua dan Tahun Tiga dan 12.5% daripada pelajar Tahun Empat atau Tahun Akhir menyatakan rasa kurang bersetuju berkenaan keupayaan mereka dalam mengurus masa serta belajar dengan baik dan teratur. 93 orang (55.4%) menyatakan rasa setuju dan hanya 8 orang (4.8%) yang terdiri daripada 1.2% pelajar Tahun Dua dan 1.8% daripada pelajar Tahun Tiga dan 1.8% Tahun Akhir sangat bersetuju bahawa mereka dapat mengurus masa belajar dengan baik dan teratur. Jumlah min yang tinggi iaitu 3.52 membuktikan bahawa pada keseluruhannya, pelajar-pelajar ini mampu mengurus masa dengan baik dan teratur.

Seterusnya, didapati seramai 73 orang responden (43.5%) tidak bersetuju bahawa mereka sukar untuk memberi perhatian sewaktu mengulangkaji pelajaran. Jumlah ini merangkumi seramai 13 orang (7.7%) daripada pelajar Tahun Satu, 12 orang (7.1%) pelajar Tahun Dua, 18 orang (10.7%) daripada Tahun Tiga dan 30 orang (17.9%) pelajar Tahun Akhir. Secara keseluruhannya, seramai 37.5% (63 orang) menyatakan kurang bersetuju dan hanya 12.5% (21 orang) menyatakan setuju bagi aspek ini. Kajian ini mendapati bahawa majoriti mereka boleh menumpukan perhatian terhadap pelajaran mereka. Dapatan ini juga menggambarkan bahawa semakin lama pelajar ini belajar di UTM, semakin tinggi perhatian yang diberikan kepada aspek mengulang kaji pelajaran. Bagaimana pun, hanya 34 orang (20.2%) bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka mengulangkaji pelajaran setiap hari. Kebanyakan

responden (79.8%) tidak menggunakan teknik ini dalam cara pembelajaran mereka di UTM ini. Pengkaji merumuskan bahawa Skor CGPA rendah yang diperolehi oleh pelajar-pelajar ini adalah akibat dari cara pembelajaran yang tidak konsisten dan berterusan ini (Lihat Jadual 4.4).

Majoriti responden (47.6%) bersetuju untuk belajar secara berkumpulan berbanding hanya 16 orang (9.5%) yang tidak bersetuju. Kebanyakan mereka (52.0%) tidak mempunyai masalah dalam memahami apa yang dipelajari. Hasil kajian juga mendapati seramai 109 orang (64.9%) bersetuju untuk sentiasa berusaha dalam mencapai kecemerlangan. Bagaimana pun, majoriti mereka (64.2%) tidak suka bertanya kepada pensyarah tentang masalah pelajaran yang tidak difahami. Dalam aspek ini, responden yang bersetuju dengan teknik bertanya pensyarah ini terdiri daripada 10 orang (6%) daripada pelajar Tahun Satu dan Dua, 12 orang (7.1%) daripada pelajar Tahun Tiga dan 19 orang (11.3%) daripada pelajar Tahun Akhir menyatakan rasa bersetuju dan sembilan orang (5.4%) sangat bersetuju.

Hanya 38 orang responden (22.6%) kurang gemar menulis nota semasa kuliah dijalankan. Majoriti mereka ini gemarkan cara ini dan teknik ini menyumbang kepada nilai min sebanyak 3.88. Bagaimana pun, kebanyakan responden (51.8%) kurang bersetuju dengan aspek sentiasa mencari bahan rujukan terkini di perpustakaan di mana seramai 15 orang (8.9%) daripada mereka ini terdiri daripada pelajar Tahun Satu, 18 orang (10.7%) pelajar Tahun Dua dan Tiga, dan 36 orang (21.4%) daripada pelajar Tahun Akhir. Nilai min yang agak rendah (2.99) bagi aspek ini menggambarkan bahawa kebanyakan responden tidak begitu berminat untuk mencari bahan rujukan lain selain daripada nota kuliah pensyarah mereka. Majoriti responden (76.8%), terutamanya pelajar-pelajar Tahun Satu dan Dua tidak membuat persediaan sebelum menghadiri kuliah. Nilai Min 3.03 bagi aspek ini menggambarkan kekurangan tabiat ini di kalangan responden.

Perkara	STS				TS				KS				S				SS				Min
	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	
Berupaya mengurus masa	3 1.8 %	1 0.6 %	3 1.8 %	0	2 1.2 %	0	3 1.8 %	3 1.8 %	3 1.8 %	0	2 1.2 %	0	3 1.8 %	3 1.8 %	3 1.8 %	3 1.8 %	0	2 1.2 %	3 1.8 %	3 1.8 %	3.52
Sukar tumpu perhatian.	2 1.2 %	0	3 1.8 %	2 1.2 %	13 7.7 %	12 7.1 %	18 10.7 %	30 17.9 %	7 4.2 %	4.2 2.4 %	15 8.9 %	16 9.5 %	25 14.8 %	6 3.6 %	7 4.2 %	5 3.0 %	3 1.8 %	0	1 0.6 %	2 0.6 %	2.65
Mengulangkaji setiap hari	1 0.6 %	1 0.6 %	3 1.8 %	8 4.8 %	6 3.6 %	4 2.4 %	14 8.3 %	14 8.3 %	7 4.2 %	7 4.2 %	20 11.9 %	19 11.3 %	37 22.0 %	5 3.0 %	8 4.8 %	8 4.8 %	1 0.6 %	0	1 0.6 %	1 0.6 %	2.84
Belajar secara berkumpulan	2 1.2 %	2 1.2 %	0	2 1.2 %	1 0.6 %	2 1.2 %	4 2.4 %	9 5.4 %	6 3.6 %	6 3.6 %	6 3.6 %	13 7.8 %	20 12.0 %	26 15.7 %	23 13.9 %	18 10.8 %	3 1.8 %	3 1.8 %	5 3.0 %	8 4.8 %	3.54
Mudah memahami pelajaran	0	2 1.2 %	1 0.6 %	0	7 4.2 %	3 1.8 %	11 6.5 %	7 4.2 %	14 8.3 %	20 11.9 %	4 2.4 %	5 3.0 %	33 19.6 %	19 11.3 %	13 7.7 %	8 4.8 %	3 1.8 %	1 0.6 %	0	2 1.2 %	3.16
Berusaha mencapai kecemerlangan	0	0	0	0	0	0	0	2 1.2 %	8 4.8 %	4 2.4 %	4 2.4 %	5 3.0 %	7 4.2 %	47 28.0 %	30 17.9 %	20 11.9 %	5 3.0 %	9 5.4 %	10 6.0 %	9 5.4 %	4.03
Sering bertanya pensyarah	0	0	1 0.6 %	3 1.8 %	4 2.4 %	2 1.2 %	7 4.2 %	9 5.4 %	11 6.5 %	18 10.7 %	18 10.7 %	22 13.1 %	31 19.6 %	19 11.3 %	12 7.1 %	10 6.0 %	0	3 1.8 %	3 1.8 %	3 1.8 %	3.23
Sentiasa menulis nota semasa kuliah	0	0	0	1 0.6 %	0	0	6 3.6 %	1 0.6 %	5 3.0 %	5 3.0 %	5 3.0 %	5 3.0 %	15 8.9 %	41 24.4 %	26 15.5 %	21 12.5 %	4 2.4 %	7 4.2 %	8 4.8 %	7 4.2 %	3.88
Sentiasa mencari bahan rujukan	0	2 1.2 %	0	4 2.4 %	3 1.8 %	5 3.0 %	16 9.5 %	9 5.4 %	15 8.9 %	18 10.7 %	18 10.7 %	36 21.4 %	36 21.4 %	15 8.9 %	10 6.0 %	8 4.8 %	0	0	1 0.6 %	1 0.6 %	2.99
Sentiasa membuat persediaan sebelum kuliah	0	2 1.2 %	2 1.2 %	4 2.4 %	4 2.4 %	2 1.2 %	8 4.8 %	7 4.2 %	11 6.5 %	26 15.5 %	15 8.9 %	25 14.9 %	38 22.6 %	14 8.35 %	9 5.4 %	3 1.8 %	0	0	1 0.6 %	2 1.2 %	3.03

Jadual 4.4 : Taburan Faktor Teknik Belajar Mengikut Tahun Pengajian

4.3.2 Faktor Sikap

Perlakuan seseorang terhadap sesuatu perkara itu dipengaruhi kuat oleh sikap individu berkenaan. Sebahagian besar (80.4%) responden tidak bersetuju bahawa mereka berasa malas untuk mengulangkaji pelajaran. Hanya segelintir mereka yang mengakui hakikat ini terutama di kalangan pelajar Tahun Akhir (7.7%). Pergaulan juga sangat penting bagi pelajar-pelajar ini kerana kebanyakan responden (60.1%) tidak gemar mengasingkan diri daripada orang ramai. Sebahagian besar daripada responden (81.6%) tidak suka menanggungkan kerja, terutamanya pelajar-pelajar Tahun Akhir (31.6%). Bagaimana pun, terdapat seramai 60 orang responden (35.7%) yang tidak merasa kesan sekiranya lewat dalam menghantar tugas yang telah ditetapkan. Nilai min yang tinggi iaitu 3.92 membuktikan bahawa mereka tidak mengambil endah akan tugas yang telah diberikan oleh pensyarah.

Seterusnya didapati 10 orang (6.0%) sangat tidak bersetuju yang menyatakan mereka sering berkhayal dan 16 orang (9.5%) menyatakan sangat bersetuju. Kebanyakan mereka (40.5%) kurang bersetuju bahawa mereka sering berkhayal iaitu seramai 7 orang (4.2%) daripada pelajar tahun pertama, 16 orang (9.5%) daripada pelajar Tahun Dua, 15 orang (8.9%) daripada pelajar Tahun Tiga dan 30 orang (17.9%) daripada pelajar Tahun Akhir. Didapati juga seramai 104 orang (61.9%) sangat bersetuju bahawa mereka tidak kisah sekiranya mereka gagal dalam pelajaran dan hanya 2 (1.2%) orang sangat tidak bersetuju untuk tidak lulus dalam pelajaran. Ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar tidak mengambil berat tentang pengajian mereka di UTM.

Majoriti responden (61.3%) mengutamakan pencapaian akademik yang baik, dengan 18 orang (10.7%) daripada responden ini terdiri daripada pelajar Tahun Satu, 26 orang (15.5%) pelajar Tahun Dua, 21 orang (12.5%) pelajar Tahun Tiga dan 38 orang (22.6%) daripada pelajar Tahun Akhir. Hanya 32.7% responden sahaja yang suka keluar dengan kawan-kawan ke bandar dan kebanyakan mereka terdiri dari pelajar-pelajar Tahun Akhir (22.6%). Nilai min yang agak rendah bagi aspek ini (2.96)

membuktikan ramai di kalangan responden kurang suka pergi bersiar-siar. Sebahagian besar responden (83.9%) kurang suka menonton TV daripada belajar. Kebanyakan mereka terdiri dari pelajar-pelajar Tahun Akhir (29.8%). Majoriti responden (57.1%) menganggap diri mereka seorang yang rajin. Nilai min yang tinggi (3.56) menggambarkan persepsi mereka terhadap aspek ini.

Perkara Tahun	STS				TS				KS				S				SS				Min			
	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4				
Malas mengulangkaji pelajaran	1 0.6 %	0 0 %	1 0.6 %	0 0 %	8 4.8 %	8 4.8 %	12 7.1 %	21 12.5 %	12 7.1 %	16 9.5 %	25 14.9 %	31 18.5 %	4 2.4 %	4 2.4 %	8 4.8 %	8 4.8 %	5 3.0 %	9 5.4 %	0 0 %	1 0.6 %	2 1.2 %	4 2.4 %	2.92	
Suka menyendiri	1 0.6 %	2 1.2 %	3 1.8 %	3 1.8 %	4 2.4 %	4 2.4 %	11 6.5 %	10 6.0 %	14 8.3 %	8 4.8 %	12 7.1 %	24 14.3 %	8 4.8 %	8 4.8 %	7 4.2 %	7 4.2 %	14 8.3 %	17 10.1 %	3 1.8 %	5 3.0 %	6 3.6 %	7 4.2 %	3.18	
Suka menanggung kerja	2 1.2 %	1 0.6 %	1 0.6 %	1 0.6 %	6 3.6 %	9 5.4 %	11 6.5 %	17 10.1 %	14 8.3 %	14 8.3 %	26 15.5 %	35 20.8 %	3 1.8 %	3 1.8 %	5 3.0 %	5 3.0 %	5 3.0 %	8 4.8 %	0 0 %	4 2.4 %	4 2.4 %	2 1.2 %	4 2.4 %	2.93
Tidak berasa bersalah	1 0.6 %	0 0 %	3 1.8 %	1 0.6 %	3 1.8 %	2 1.2 %	3 1.8 %	0 0 %	6 3.6 %	6 3.6 %	12 7.1 %	19 11.3 %	5 3.0 %	5 3.0 %	9 5.4 %	9 5.4 %	15 8.9 %	23 13.7 %	10 6.0 %	16 9.5 %	12 7.1 %	22 13.1 %	3.92	
Suka berkhayal	1 0.6 %	1 0.6 %	4 2.4 %	4 2.4 %	8 4.8 %	9 5.4 %	13 7.7 %	8 4.8 %	7 4.2 %	16 9.5 %	15 8.9 %	30 17.9 %	6 3.6 %	6 3.6 %	6 3.6 %	6 3.6 %	10 6.0 %	14 8.3 %	3 1.8 %	1 0.6 %	3 1.8 %	9 5.4 %	3.06	
Tidak kisah jika tidak lulus	0 0 %	0 0 %	2 1.2 %	0 0 %	1 0.6 %	1 0.6 %	1 0.6 %	2 1.2 %	2 1.2 %	2 1.2 %	3 1.8 %	9 5.4 %	4 2.4 %	4 2.4 %	5 3.0 %	5 3.0 %	21 12.5 %	11 6.5 %	18 10.7 %	25 14.9 %	18 10.7 %	43 25.6 %	4.43	
Tidak kisah jika markah tidak baik	0 0 %	0 0 %	0 0 %	0 0 %	1 0.6 %	1 0.6 %	1 0.6 %	3 1.8 %	1 0.6 %	4 2.4 %	11 6.5 %	11 6.5 %	5 3.0 %	5 3.0 %	2 1.2 %	2 1.2 %	12 7.1 %	13 7.7 %	18 10.7 %	26 15.5 %	21 12.5 %	38 22.6 %	4.38	
Suka keluar bersuka-suka	3 1.8 %	2 1.2 %	5 3.0 %	9 5.4 %	4 2.4 %	8 4.8 %	10 6.0 %	22 13.1 %	9 5.4 %	9 5.4 %	17 10.1 %	15 8.9 %	5 3.0 %	5 3.0 %	10 6.0 %	10 6.0 %	11 6.5 %	8 4.8 %	4 2.4 %	4 2.4 %	2 1.2 %	11 6.5 %	2.96	
Lebih suka menonton TV daripada belajar	4 2.4 %	4 2.4 %	3 1.8 %	6 3.6 %	11 6.5 %	6 3.6 %	6 3.6 %	10 6.0 %	8 4.8 %	18 10.7 %	31 18.5 %	34 20.2 %	2 1.2 %	2 1.2 %	5 3.0 %	5 3.0 %	3 1.8 %	14 8.3 %	0 0 %	0 0 %	2 1.2 %	1 0.6 %	2.78	
Seorang yang rajin	0 0 %	1 0.6 %	0 0 %	0 0 %	2 1.2 %	3 1.8 %	8 4.8 %	3 1.6 %	13 7.7 %	6 3.6 %	12 7.1 %	24 14.3 %	9 5.4 %	9 5.4 %	20 11.9 %	22 13.1 %	29 17.3 %	29 17.3 %	1 0.6 %	3 1.8 %	3 1.8 %	9 5.4 %	3.56	

Jadual 4.5 : Taburan Faktor Sikap Mengikut Tahun Pengajian

4.3.3 Faktor Pergaulan, Minat dan Motivasi.

Kebanyakan responden (75.6%) mengakui tidak mempunyai masalah untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran di UTM. Majoriti mereka (53.6%) tidak berasa tertekan kerana pergaulan dengan pelajar lain adalah baik dan tidak berasa diasingkan oleh rakan-rakan yang lain. Percintaan juga bukan merupakan punca kepada kemerosotan pelajaran kerana dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden (53.5%) tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Bagaimana pun, majoriti responden (39.9%) tidak suka memulakan perbualan di mana 7 orang (4.2%) daripada mereka ini terdiri daripada pelajar Tahun Satu, 10 orang (6.0%) pelajar Tahun Dua, 19 orang (11.3%) pelajar Tahun Tiga dan 31 orang (18.5%) pelajar Tahun Akhir.

Sebahagian besar responden (85.1%) mengakui berminat dengan kursus yang sedang diikuti dan belajar bukan sekadar untuk memenuhi kehendak ibu bapa sahaja. Kebanyakan mereka memiliki cita-cita mereka sendiri kerana dapatan kajian menunjukkan 76 orang (45.2%) sangat tidak bersetuju apabila diajukan soalan mereka tidak mempunyai cita-cita di masa hadapan Hanya segelintir pelajar (7.1%) merasakan bahawa pengajian yang diikuti tidak dapat menjamin masa depan mereka dan 44 orang pelajar (26.1%) berasa keliru dan kurang yakin terhadap kursus yang sedang mereka ikuti.

Walaupun mereka berada di tahap yang kurang memuaskan dari segi akademik, tetapi mereka tetap berusaha bersungguh-sungguh untuk berjaya. Dapatan menunjukkan 55 orang (32.7%) sangat tidak bersetuju untuk tidak berusaha bersungguh-sungguh. Jumlah ini merangkumi 9 orang (5.4%) daripada pelajar Tahun Pertama, 14 orang (8.3%) daripada pelajar Tahun Kedua, 13 orang (7.7%) daripada pelajar Tahun Ketiga dan 19 orang (11.3%) daripada pelajar Tahun Akhir. Majoriti responden (63.0%) berpendapat bahawa pengajian yang mereka pelajari kini mempunyai masa depan yang cerah yang dapat membantu mereka di masa hadapan.

Perkara	STS				TS				KS				S				SS				Min	
	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4		
Tahun	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	Min	
Sukar menyesuaikan diri	0.6%	0.6%	1.8%	3.6%	2.4%	6.1%	10%	13%	7.3%	8.5%	14.5%	17.6%	29%	3.0%	4.8%	6%	5%	8%	0	0	1	3.15
Berasa dipinggirkan	5.4%	4.8%	7%	11.3%	4.8%	5.4%	8.3%	9.5%	3.6%	6.0%	11.3%	13.7%	23%	1.2%	3.0%	1.8%	2%	5%	1	2	0	2.35
Menghadapi masalah cinta	5.4%	7.8%	4.8%	15.1%	4.2%	2.4%	6.6%	7.8%	1.8%	7.8%	12.0%	11.4%	19%	2.4%	1.2%	2.4%	4%	2%	1	2	1	2.28
Tidak suka memulakan perbuatan	3.0%	4.2%	1.8%	4.8%	7.1%	4.8%	8.9%	7.1%	4.2%	6.0%	11.3%	18.5%	31%	0.6%	4.2%	4.8%	8%	7%	1	0	1	2.64
Tidak mempunyai cita-cita	9.0%	8.4%	16%	18.7%	3.6%	5.4%	10.2%	10.2%	0.6%	4.2%	6.6%	8.4%	14%	1.8%	1.2%	0.6%	3%	2%	1	0	0	1.84
Tidak berusaha	5.4%	8.3%	7.7%	11.3%	3.6%	3.6%	8.3%	11.9%	2.4%	6.0%	8.9%	11.3%	19%	3.6%	1.2%	1.8%	6%	2%	0	0	0	2.19
tidak menjamin	5.4%	8.3%	11%	13.7%	5.4%	4.2%	9.5%	10.1%	2.4%	5.4%	9.5%	12.5%	21%	1.8%	1.8%	2.4%	3%	3%	0	0	0	2.10
Memenuhi kehendak ibubapa	4.8%	5.4%	11.4%	12.0%	4.8%	9.0%	6.0%	12.6%	4.2%	4.2%	6.0%	11.4%	19%	0.6%	1.2%	3.0%	1%	2%	1	0	2	2.11
Tidak bermain	4.8%	5.4%	6.0%	7.1%	5.4%	6.0%	6.5%	13.7%	3.6%	4.2%	8.9%	13.7%	23%	0.6%	3.6%	4.2%	1%	6%	1	2	2	2.40
Berasa keliru dan kurang yakin	3.0%	3.6%	4.8%	6.0%	3.0%	5.4%	6.0%	10.1%	4.2%	4.8%	11.3%	11.9%	20%	4.8%	6.0%	3.6%	8%	10%	0	0	2	2.70

Jadual 4.6 : Taburan Faktor Pergaulan, Minat dan Motivasi Mengikuti Tahun Pengajian

4.3.4 Faktor Kerohanian

Kebanyakan responden (86.9%) percaya bahawa kehidupan ini adalah di bawah ketentuan Tuhan. Dapatan menunjukkan 92 orang (54.8%) sangat bersetuju bahawa mereka percaya pada takdir Tuhan. Jumlah tersebut merangkumi 10 orang (6.0%) daripada pelajar Tahun Satu, 21 orang (12.5%) pelajar Tahun Dua, 25 orang (14.9%) pelajar Tahun Tiga dan 36 orang (21.4%) pelajar Tahun Akhir. Mereka percaya bahawa mereka perlu berusaha untuk mendapatkan yang terbaik. Sebahagian besar responden (98.3%) bersetuju untuk berusaha bagi memperbaiki diri demi mendapatkan hasil yang terbaik.

Di samping itu, mereka juga sentiasa berdoa pada Tuhan untuk mendapatkan kecemerlangan dan ditambah dengan usaha yang gigih. Seramai 86 orang (51.2%) bersetuju bahawa berdoa di samping usaha yang gigih mampu membuahkan kejayaan bagi mereka. Mereka ini terdiri daripada 14 orang (8.3%) pelajar Tahun Satu, 16 orang (9.5%) pelajar Tahun Dua, 21 orang (12.5%) pelajar Tahun Tiga dan 35 orang (20.8%) pelajar Tahun Akhir. Nilai min sebanyak 4.25 menggambarkan bahawa persepsi pelajar terhadap aspek ini berada pada tahap yang tinggi. Hanya segelintir (22.6%) berpendapat bahawa mereka tidak berdaya untuk menghalang nasib buruk atau baik yang menimpa diri. Walau pun majoriti responden (58.3%) menganggap kegagalan sebagai satu dugaan hidup dan perlu sabar dalam menghadapinya, sebahagian besar (90.5%) mengakui bahawa mereka mudah putus asa dengan kegagalan dan kebanyakan mereka ini terdiri daripada pelajar Tahun Akhir (17.9%) .

Perkara	STS				TS				KS				S				SS				Min				
	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4					
Percaya kepada Tuhan dan takdir	1 0.6 %	0 0.6 %	1 0.6 %	1 0.6 %	1 0.6 %	2 1.2 %	2 1.2 %	2 1.2 %	4 2.4 %	4 2.4 %	1 0.6 %	1 0.6 %	2 1.2 %	2 1.2 %	4 2.4 %	4 2.4 %	9 5.4 %	9 5.4 %	15 8.9 %	22 13.1 %	10 6.0 %	21 12.5 %	25 14.9 %	35 20.8 %	4.59
Tidak berdaya menghalang nasib buruk atau baik	2 1.2 %	8 4.0 %	5 3.0 %	15 8.9 %	15 8.9 %	10 6.0 %	20 11.9 %	22 13.1 %	4 2.4 %	4 2.4 %	4 2.4 %	6 3.6 %	9 5.4 %	14 8.3 %	22 13.1 %	8 4.8 %	5 3.0 %	2 1.2 %	8 4.8 %	10 6.0 %	2 1.2 %	4 2.4 %	3 1.8 %	4 2.4 %	2.55
Percaya kepada usaha untuk dapat hasil yang baik	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	0	21	10	8	4.8	12.5	19.0	17	23	21	33	4.54
Sentiasa berdoa di samping bekerja keras	0	0	0	2	1.2	0	3	1	2	1.2	0.6	1.8	0.6	4	16	14	8.3	9.5	12.5	20.8	9	16	18	23	4.25
Mudah berputus asa dengan kegagalan	1 0.6 %	0	1 0.6 %	3 1.8 %	3 1.8 %	9 5.4 %	5 3.0 %	10 6.0 %	10 6.0 %	8 4.8 %	10 6.0 %	8 4.8 %	15 9.0 %	20 12.0 %	21	8	8	4.8	12.7	17	3	8	3	13	3.43
Kegagalan adalah dugaan hidup	1 0.6 %	0	1 0.6 %	1	0.6	0	1	0.6	1	0.6	0.6	1.2	3.0	2.4	15	16	9.5	8.9	14.9	25.0	7	16	14	18	4.20

Jadual 4.7: Taburan Faktor Kerohanian Mengikut Tahun Pengajian

4.3.5 Faktor Keyakinan Diri Pelajar

Aspek keyakinan diri dapat membantu pembentukan jati diri yang cemerlang. Majoriti responden (67.7%) bersetuju bahawa mereka mempunyai kualiti tersendiri yang baik di dalam diri masing-masing, mana 18 orang (10.7%) terdiri daripada pelajar Tahun Satu, 21 orang (12.5%) pelajar Tahun Dua, 32 orang (19.0%) pelajar tahun Tiga dan 43 orang (25.6%) pelajar Tahun Akhir. Nilai min sebanyak 3.96 menggambarkan tentang persepsi diri mereka yang positif ini. Kebanyakan mereka (63.1%) berpendapat bahawa mereka mampu untuk melakukan sesuatu dengan baik sebagaimana orang lain. Jumlah ini merangkumi 20 orang (11.9%) pelajar Tahun Satu, 19 orang (11.3%) pelajar Tahun Kedua, 28 orang (16.7%) pelajar Tahun Ketiga dan 39 orang (23.2%) pelajar Tahun Akhir.

Namun demikian, kebanyakan responden (68.5%) masih tidak berpuas hati dengan pencapaian yang mereka perolehi setakat ini. Secara umumnya, majoriti responden (56.0%) menganggap diri mereka seorang yang gagal manakala 45.2% merasakan diri mereka tidak berguna dan 36.3% pula merasakan diri tidak bagus serta lemah dalam segala segi. Kebanyakan responden yang mempunyai persepsi sedemikian adalah di kalangan pelajar Tahun Akhir. Bagaimana pun, secara keseluruhannya, sebahagian besar daripada responden (91.1%) berharap agar mereka dapat lebih menghormati diri mereka sendiri pada masa akan datang.

Perkara Tahun	STS				TS				KS				S				SS				Min				
	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4					
Diri mempunyai kualiti yang baik					0	1	0.6	1	6	3	1.8	3	9	6	3.6	6	18	21	32	43	1	8	6	11	3.96
Merasakan diri gagal	1	0.6	0	0	3	4	1.8%	5	8	4.8	10.7	10	18	8	9.5	16	7	14	13	21	6	6	11	16	3.64
Mampu melakukan sesuatu dengan baik	0	0	0	0	0	0	0	3	2	1.2	1.8	3	6	2	3	3	15	24	27	40	8	7	12	16	4.11
Tiada apa yang boleh dibanggakan	1	0.6	0	1	7	6	4.2%	4	8	4.8	6.5	10	26	11	7.7	13	7	8	15	18	2	7	12	10	3.45
Berpuas hati dengan pencapaian diri	2	1.8	0	2	4	8	2.4%	12	16	9.5	16	9	22	16	12.5	21	3	6	10	30	0	0	2	2	3.06
Harap dapat menghormati diri sendiri	1	0.6	0	1	0	1	0	2	0	0	0.6	0	4	1	2.4	4	20	19	28	39	4	11	11	21	4.14
Kadangkala merasa diri tidak berguna	1	0.6	1.8	0	11	7	6.5%	7	6	3.6	7.1	12	8	12	4.8	8	3	6	16	15	4	6	11	15	3.38
Merasa diri tidak bagus dan lemah	0	0.6	0	0	11	13	6.5%	8	4	2.4	5.4	19	23	9	10.7	18	6	3	12	10	4	7	6	13	3.21

Jadual 4.8: Taburan Faktor Keyakinan Diri Pelajar Mengikut Tahun Pengajian

4.4 Aspek Personaliti

Di bahagian ini, analisis adalah berdasarkan keputusan analisis yang dibuat secara manual dalam menentukan apakah jenis personaliti para pelajar. Terdapat 16 jenis personaliti yang dikemukakan dalam Personaliti *Myres-Briggs*. Jadual 4.9 menunjukkan hasil kajian berkenaan jenis personaliti pelajar-pelajar ini

Jadual 4.9 : Taburan Jenis Personaliti Pelajar

Jenis Personaliti	Kekerapan	Peratus (%)
<i>Extrovert Intuitive Feeling Perceiving</i> (ENFP)	06	3.57
<i>Introvert Intuitive Feeling Perceiving</i> (INFP)	15	8.93
<i>Introvert Sensing Thinking Judging</i> (ISTJ)	29	17.26
<i>Introvert Sensing Feeling Perceiving</i> (ISFP)	15	8.93
<i>Extrovert Sensing Thinking Perceiving</i> (ESTP)	05	2.98
<i>Extrovert Intuitive Thinking Perceiving</i> (ENTP)	07	4.17
<i>Extrovert Intuitive Thinking Judging</i> (ENTJ)	04	2.38
<i>Introvert Intuition Feeling Judging</i> (INFJ)	12	7.14
<i>Extrovert Sensing Feeling Perceiving</i> (ESFP)	02	1.19
<i>Introvert Sensing Thinking Perceiving</i> (ISTP)	16	9.52
<i>Introvert Intuitive Thinking Judging</i> (INTJ)	08	4.76
<i>Extrovert Sensing Thinking Judging</i> (ESTJ)	03	1.79
<i>Extrovert Intuitive Feeling Judging</i> (ENFJ)	09	5.36
<i>Introvert Sensing Feeling Judging</i> (ISFJ)	19	11.3
<i>Extrovert Sensing Feeling Judging</i> (ESFJ)	07	4.17
<i>Introvert Intuitive Thinking Perceiving</i> (INTP)	11	6.55

Dapatan kajian menunjukkan bahawa, semua pelajar memiliki personaliti yang tersendiri berdasarkan 16 jenis personaliti yang dikemukakan di dalam *Myres-Briggs*

Type Indicator. Kebanyakan pelajar (17.3%) memiliki jenis personaliti *Introvert Sensing Thinking Judging (ISTJ)*. Ini bermakna, ramai di kalangan pelajar memiliki ciri-ciri personaliti yang gemarkan pelaksanaan tugas. Ianya memiliki kemampuan, dan kesungguhan dalam mewujudkan kehidupan yang selamat dan tenang. Bagaimana pun, sifat *introvert* yang ada pada diri mereka ini menyebabkan mereka lebih suka bersendirian dan bersikap tertutup. Sikap ini boleh mengekang keinginan mereka untuk bertukar-tukar fikiran atau bertanya pensyarah sekiranya ada masalah dalam pembelajaran mereka.

Seterusnya, didapati jenis personaliti *Introvert Sensing Feeling Judging (ISFJ)* adalah kedua tertinggi dengan bilangan seramai 19 orang (11.3%). Jenis ini sukar untuk melihat seseorang individu itu tetapi mereka memiliki sikap mementingkan keharmonian dan kerjasama. Adakalanya sifat yang serba sempurna menjadikan individu ini serba boleh. Dapatan juga menunjukkan personaliti setiap individu adalah berbeza kerana semua pelajar memiliki personaliti berbeza berdasarkan bilangan yang diperolehi. Hanya dua orang sahaja memiliki personaliti jenis *Extrovert Sensing Feeling Perceiving (ESFP)* dan *Extrovert Sensing Thinking Judging (ESTJ)* yang cenderung kepada bertindak dahulu sebelum berfikir dan memiliki sikap yang praktikal dan berfikiran rasional.

4.5 Keperluan Latihan Pelajar

Hasil daripada analisis bahagian ini akan membantu pihak FPPSM dalam menentukan apakah jenis latihan atau kursus yang diperlukan oleh para pelajar. Antara beberapa latihan yang dikemukakan dalam borang soal selidik termasuklah, latihan kemahiran belajar, latihan pengurusan masa, latihan pembangunan diri, latihan bimbingan kerjaya dan seumpamanya. berikut adalah jadual berkenaan dengan analisis tersebut.

Jadual 4.10: Taburan Jenis Keperluan Latihan Pelajar

JENIS LATIHAN	KEKERAPAN	PERATUSAN (%)
Bimbingan Kerjaya	105	62.5
Pengurusan Masa	90	53.6
Kemahiran Belajar	89	53.0
Komunikasi Berkesan	84	50.0
Pembangunan Diri	84	50.0
Tujuh Amalan Individu Berjaya	68	40.5
Teknik Menghadapi Peperiksaan	65	38.7
Lain-lain	16	9.52

Jadual 4.11: Jenis-Jenis Latihan Lain Yang Diperlukan Oleh Pelajar

LAIN-LAIN JENIS LATIHAN YANG DIPERLUKAN	KEKERAPAN
Kursus Cegah Jenayah	1
Kursus Kepimpinan	1
Teknologi Maklumat	1
Cabaran Mahasiswa Dalam Globalisasi	1
Pembangunan Rohani & Akhlak	1
Kursus Perniagaan	1
Kursus Bahasa Inggeris	1
Kursus Motivasi Diri	4
Imej & Personaliti dan Disiplin Diri	5

Kebanyakan responden (53.6%) memerlukan latihan Pengurusan Masa dan latihan Kemahiran Belajar (53%). Ini menunjukkan lebih separuh daripada responden memerlukan latihan ini kerana merasakan diri mereka masih lemah dalam kedua-dua aspek ini yang penting dalam usaha meningkatkan penguasaan ilmu. Seramai 103 orang (61.3%) pula tidak berminat untuk memilih latihan Teknik Menghadapi Peperiksaan. Ini kerana kebanyakan responden adalah terdiri daripada pelajar tahun akhir yang merasakan diri mereka berpengetahuan serta berpengalaman dalam teknik menjawab soalan peperiksaan dengan betul.

Sebahagian besar responden (62.5%) berminat dengan latihan Bimbingan Kerjaya memandangkan kebanyakan mereka adalah pelajar tahun akhir. Seterusnya bagi latihan Komunikasi Berkesan dan Pembangunan Diri, separuh daripada jumlah responden memilih latihan tersebut iaitu seramai 84 orang (50%). Selain itu, bagi latihan Tujuh Amalan Individu Berjaya seramai 100 orang (59.5%) tidak memerlukan latihan tersebut dan hanya 68 orang (40.5%) sahaja yang memerlukannya. Selain daripada itu, terdapat juga pelbagai jenis latihan yang diperlukan oleh para pelajar. Antara jenis latihan yang diperlukan termasuklah Kursus Cegah Jenayah, Kursus Kepimpinan, Kursus Perniagaan, Kursus Bahasa Inggeris, Seminar Imej & Personaliti Profesional dan pelbagai jenis latihan yang seumpama dengannya.

BAB V

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini merumuskan penemuan-penemuan kajian yang telah diuraikan dalam Bab IV. Bahagian akhir Bab mencadangkan kajian-kajian lanjutan yang boleh dilakukan oleh penyelidik-penyelidik lain bagi mendalami aspek analisis keperluan latihan ini.

5.2 Profil Dan Personaliti Pelajar-Pelajar FPPSM Berprestasi Kurang Memuaskan

Secara keseluruhan, kebanyakan pelajar FPPSM berprestasi kurang memuaskan adalah dari kumpulan etnik Melayu dan berasal dari kampung serta pekan-pekan kecil. Majoriti pelajar ini juga terdiri dari pelajar kursus 4SHT yang merupakan pelajar-pelajar Tahun Akhir bagi kursus Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi). Kebanyakan mereka menetap di asrama yang dilengkapi dengan segala kemudahan serta persekitaran yang kondusif untuk belajar dan majoriti mereka ini memiliki kenderaan sendiri terutamanya motorsikal. Sebahagian besar daripada pelajar ini mendapat penajaan bagi pengajian mereka terutamanya daripada PTPTN dan JPA. Pengkaji merumuskan bahawa kemudahan tempat tinggal serta penajaan yang diperolehi ini tidak mempengaruhi prestasi pembelajaran mereka.

Dari aspek penjagaan, sebahagian besar pelajar dalam kajian ini adalah di bawah penjagaan ibu dan bapa yang masih berkahwin. Kebanyakan bapa mereka bekerja sendiri, terutamanya berniaga dan bertani manakala sebahagian besar daripada ibu pelajar ini tidak bekerja. Rohand Meighan (1986) menjelaskan bahawa latar belakang sosio-ekonomi mempunyai korelasi terhadap perangai dan pencapaian pelajar. Majoriti pendapatan isi rumah bagi pelajar ini adalah di bawah RM1,000 sebulan. Memandangkan jumlah pendapatan ini agak kecil berbanding kos hidup sekarang, pengkaji bersetuju dengan pendapat Rohand Meighan bahawa taraf sosio-ekonomi keluarga pelajar ini mempengaruhi prestasi pembelajaran mereka di UTM. Pengkaji berpendapat bahawa sumber kewangan yang terbatas serta rasa rendah diri di kalangan mereka mempengaruhi sifat, sikap serta emosi yang menyumbang kepada kelemahan prestasi pembelajaran mereka ini. Dalam usaha menuntut ilmu pula, majoriti pelajar menganggap ibu sebagai pendorong utama mereka.

Secara keseluruhannya, kebanyakan pelajar FPPSM berprestasi kurang memuaskan ini memiliki jenis personaliti *Introvert Sensing Thinking Judging* (ISTJ) yang bersifat gemar berfikir dahulu sebelum bertindak dan selalu bersikap praktikal serta berfikiran rasional. Golongan jenis personaliti ini dikategorikan oleh MBTI sebagai penyempurna tugas. Mereka sentiasa fokus kepada tugas dan berupaya membuat analisis secara objektif dan kritis. Individu ini juga dikatakan bijak dalam merancang dan mengurus kehidupannya. Bagaimana pun, sifat *introvert* yang ada pada mereka ini menyebabkan mereka lebih suka bersendirian dan bersikap tertutup. Sikap ini boleh mengekang keinginan bagi mereka untuk bertukar-tukar fikiran atau bertanya kepada pensyarah sekiranya terdapat masalah dalam pembelajaran mereka.

Kejayaan dalam keputusan peperiksaan SPM tidak menjamin kecemerlangan prestasi pelajar semasa di UTM. Pengkaji merumuskan bahawa pelajar-pelajar ini menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri dengan kaedah pembelajaran di universiti. Mereka masih terikat dengan cara pembelajaran yang lama semasa di sekolah menengah yang terbukti berkesan dengan tahap kelulusan SPM yang cemerlang yang diperolehi yang telah melayakkan diri mereka untuk dipilih masuk ke

UTM ini. Kajian ini membuktikan bahawa jenis personaliti tidak mempengaruhi secara langsung dengan prestasi pelajar di UTM kerana terdapat faktor-faktor lain yang turut menyumbang kepada tahap prestasi mereka di peringkat pengajian tinggi ini.

5.3 Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Pembelajaran Pelajar Berprestasi Kurang Memuaskan

Penguasaan ilmu memerlukan daya kesungguhan yang lahir dari rasa tanggung jawab untuk memajukan diri melalui penerokaan ilmu pengetahuan. Sifat ini diperkukuhkan lagi dengan minat yang mendalam terhadap ilmu yang dijelmakan melalui perlakuan tertentu misalnya, minat membaca, menyelidik dan melibatkan diri dalam perbincangan-perbincangan berbentuk ilmiah. Kajian ini merumuskan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar yang kurang memuaskan di FPPSM seperti berikut:-

5.3.1. Faktor Teknik Belajar

Penguasaan terhadap ilmu dapat ditingkatkan dengan adanya teknik belajar yang betul. Kebanyakan pelajar berprestasi kurang memuaskan ini berkeupayaan mengurus masa belajar dengan baik dan teratur, boleh menumpukan perhatian semasa belajar, gemar belajar secara berkumpulan dan sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan. Bagaimana pun, ramai yang tidak suka bertanya pensyarah, sekiranya ada masalah dengan pelajaran dan tidak gemar mencari bahan rujukan terkini di perpustakaan. Kebanyakan mereka bergantung sepenuhnya kepada nota kuliah pensyarah dan kurang membuat persediaan sebelum menduduki peperiksaan. Pengkaji merumuskan bahawa kekurangan inisiatif untuk berusaha sendiri, cara pembelajaran yang tidak konsisten dan berterusan serta rasa malu untuk berkomunikasi dengan pensyarah merupakan faktor yang menjejaskan prestasi pembelajaran mereka di UTM.

5.3.2 Faktor Sikap Pelajar

Perlakuan seseorang dipengaruhi kuat oleh sikapnya terhadap sesuatu perkara itu. Sikap yang positif akan melahirkan perlakuan yang positif dan begitulah yang sebaliknya. Sikap negatif yang membelenggu pelajar sejak sekian lama ialah disebabkan mereka tidak bercita-cita tinggi dan belajar sekadar untuk lulus peperiksaan. Dapatan kajian ini mengenalpasti masalah sikap di kalangan pelajar berprestasi kurang memuaskan ini berpunca dari rasa kurang bertanggung jawab untuk menyiapkan tugas pada waktu yang ditetapkan, tiada kesungguhan untuk mendapat markah yang cemerlang dan tidak kisah jika tidak lulus peperiksaan. Sikap ambil mudah dan kurang bersemangat ini jelas mempengaruhi prestasi pembelajaran mereka.

5.3.3 Faktor Pergaulan, Minat dan Motivasi

Prestasi pembelajaran adakalanya dipengaruhi oleh faktor pergaulan, minat serta motivasi pelajar. Cara pembelajaran di peringkat universiti yang memerlukan perbincangan dan kerja berkumpulan menimbulkan masalah bagi mereka yang telah biasa belajar bersendirian dan tidak suka bergaul. Kajian ini merumuskan bahawa kebanyakan pelajar tidak menghadapi masalah dari segi pergaulan. Kebanyakan mereka tidak merasa tersisih dari pelajar lain atau pun menghadapi masalah cinta yang mengganggu pembelajaran mereka.

Walau pun pada umumnya, prestasi pembelajaran mereka berada di tahap kurang memuaskan, tetapi kebanyakan mereka tetap berusaha berusaha bersungguh-sungguh untuk berjaya. Majoriti pelajar ini mengakui mempunyai cita-cita, berminat dengan kursus yang sedang diikuti di FPPSM dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapainya. Mereka tidak dipengaruhi oleh kehendak ibu bapa supaya mengikuti kursus ini kerana mereka sendiri yakin bahawa pengajian ini dapat menjamin masa depan. Bagaimana pun, terdapat segelintir pelajar yang masih keliru dan kurang yakin dengan kursus yang diikuti dan menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran di UTM. Pengkaji merumuskan bahawa prestasi

pembelajaran tidak banyak dipengaruhi oleh faktor pergaulan, minat dan motivasi kerana kebanyakan pelajar tidak menghadapi masalah dari segi ini.

5.3.4 Faktor Kerohanian

Aspek kerohanian membekalkan pelajar dengan kekuatan dalaman yang berupaya mendorong kewajaran mereka dalam berperlakuan. Sebagai insan yang beragama, aspek kerohanian memberikan semangat kepada seseorang untuk menghadapi sesuatu cabaran dengan tenang dan sabar. Kebanyakan pelajar percaya bahawa kehidupan ini adalah di bawah ketentuan Tuhan dan mereka sentiasa berdoa dan berusaha bersungguh-sungguh serta percaya kepada takdir.

Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai kekuatan dalaman dan berfikiran positif untuk menghadapi kegagalan. Walau pun majoriti responden menganggap kegagalan sebagai satu dugaan hidup yang harus ditempuhi dengan sabar, namun sebahagian besar daripada mereka ini mengakui mereka mudah berputus asa dengan kegagalan ini. Pengkaji berpendapat bahawa sikap ini sedikit sebanyak mempengaruhi prestasi pembelajaran mereka di UTM ini. Golongan ini perlu di beri dorongan yang kuat oleh pihak tertentu terutamanya dari Penasihat Akademik serta pihak Unit Kaunseling, UTM untuk tabah menghadapi kegagalan supaya mereka terus berusaha dan tidak lemah semangat untuk mendapatkan prestasi yang lebih baik.

5.3.5 Faktor Keyakinan Diri Pelajar

Seorang pelajar yang berkeyakinan biasanya akan bertindak berani dan dilihat lebih menonjol berbanding pelajar-pelajar lain. Sebahagian besar pelajar ini mempunyai keyakinan diri yang agak tinggi kerana merasakan diri mereka mempunyai beberapa kualiti yang baik, seorang yang berjaya dan mampu melakukan sesuatu yang baik sama seperti orang yang lain. Bagaimana pun, terdapat sebahagian daripada pelajar tidak berpuas hati dengan pencapaian mereka dan berharap agar mereka dapat menghormati diri mereka sendiri. Prestasi pembelajaran yang kurang memuaskan

menjadikan mereka adakalanya merasakan diri tidak berguna dan tidak bagus dalam segala segi. Pengkaji merumuskan bahawa pandangan negatif terhadap diri sendiri ini menjejaskan prestasi pembelajaran mereka.

5.4 Jenis Latihan Yang Diperlukan

Secara umumnya, kebanyakan pelajar memerlukan latihan Bimbingan Kerjaya bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan sesuai dengan kelulusan dan bidang kerjaya yang bakal diceburi. Masalah dalam mendapatkan teknik belajar yang betul bagi meningkatkan prestasi pembelajaran mereka menyebabkan sebahagian besar daripada mereka memerlukan kursus dalam Pengurusan Masa dan Kemahiran Belajar. Di samping itu juga, pelajar-pelajar ini turut menghadapi masalah dari segi komunikasi. Kebanyakan mereka menyatakan perlu bagi mereka untuk mengikuti kursus Komunikasi Berkesan serta Pembangunan Diri bagi mempersiapkan diri mereka bagi menghadapi persaingan di alam pekerjaan kelak.

5.5 Cadangan

5.5.1 Cadangan Kepada FPPSM

Antara perkara-perkara yang perlu diusahakan oleh pihak FPPSM ialah :-

1. Memberi kemahiran kaunseling kepada pensyarah yang terlibat dengan penasihat akademik kepada para pelajar.
2. Pihak FPPSM cuba megenalpasti pensyarah-pensyarah yang cemerlang dan mempunyai pengalaman dalam membimbing pelajar dengan cekap dan memastikan bahawa mereka (pensyarah) turut menjadi kaunselor kepada pelajar.

3. Menyediakan buku log untuk pelajar berjumpa dengan Penasihat Akademik.
4. Memastikan Penasihat Akademik melaksanakan tugasnya yang sebenar.
5. Menubuhkan unit kaunseling dan kerjaya dan diselenggarakan oleh beberapa kaunselor yang bertauliah.
6. Mengadakan sistem "mentor-mentee" di kalangan pelajar bagi membantu pelajar-pelajar lemah menguasai bidang-bidang tertentu dalam pengajian mereka dan membantu mereka menyesuaikan diri dengan persekitaran serta cara pembelajaran di UTM.
7. Memastikan pelajar yang ditawarkan tempat di FPPSM mempunyai kelayakan yang sepatutnya supaya pelajar yang berkualiti benar-benar mendapat peluang.
8. Meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di FPPSM supaya ianya menarik dan relevan dengan perkembangan semasa.
9. Memberi pendedahan dan peluang yang lebih kepada pelajar untuk mengikuti kursus-kursus yang diperlukan bagi membangunkan diri serta kemahiran berkomunikasi di kalangan pelajar.

Cadangan program latihan yang perlu dijalankan:-

1. **Kursus Komunikasi Berkesan**

Kursus ini penting memandangkan majoriti responden mempunyai personaliti *Introvert*. Latihan komunikasi yang berkesan haruslah dapat memupuk sifat terbuka dan suka bertanya di samping dapat meningkatkan keyakinan diri pelajar.

2. **Kursus Pembangunan Diri**

Kursus ini perlu diberikan supaya dapat membimbing pelajar

membentuk jati diri, merancang masa hadapan, mengenalpasti kekuatan dan kelemahan diri dan menyedarkan mereka tentang peluang-peluang yang menanti mereka.

3. Kursus Bimbingan Kerjaya

Kursus ini dicadangkan oleh sebahagian besar responden. Pelajar-pelajar harus didedahkan dengan peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di negara sesuai dengan bidang pengkhususan mereka. Kursus sebegini diharapkan dengan mengikuti kursus ini pelajar akan mempunyai semangat untuk meningkatkan prestasi pembelajaran mereka.

4. Kursus Teknik Belajar Berkesan

Kursus ini perlu diberikan memandangkan majoriti daripada responden tidak mempunyai teknik belajar yang berkesan. Majoriti responden tidak dapat memahami apa yang dipelajari, tidak suka bertanya kepada pensyarah, tidak membuat persediaan sebelum kuliah dan tidak berusaha mencari bahan rujukan terkini di perpustakaan. Dengan kursus ini, pelajar akan lebih terbuka untuk belajar dengan lebih berkesan.

5.5.2 Cadangan Kepada Pihak UTM

Beberapa cadangan untuk UTM dikemukakan oleh pengkaji iaitu:-

1. Memastikan bahawa pelajar-pelajar yang dipilih masuk ke FPPSM UTM untuk mengikuti kursus adalah sesuai dengan kelayakan dan minat pelajar terhadap kursus-kursus yang dipohon.
2. Menggerakkan Unit Kaunseling supaya membuat pemantauan yang berterusan ke atas permasalahan diri pelajar dalam aspek pembelajaran mereka di UTM.

3. Menilai semula ko kurikulum Universiti supaya relevan dan dapat menarik minat pelajar untuk menumpukan perhatian mereka kepada pembelajaran.
4. Pihak UTM menubuhkan Unit Kaunseling untuk setiap fakulti.
5. Unit Perkhidmatan Sokongan Pelajar, menilai semula kursus yang dianjurkan dan memberikan keutamaan kepada pelajar yang berprestasi lemah.

5.5 Rumusan

Secara keseluruhannya, prestasi pembelajaran yang kurang memuaskan tidak banyak dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan kemudahan di IPT seperti tempat tinggal, kemudahan kenderaan atau sumber penajaan. Kebanyakan pelajar berprestasi kurang memuaskan ini memiliki segala kemudahan ini dan sebahagian besar daripada mereka datangnya dari keluarga yang sempurna dan tidak berpecah belah akibat perceraian ibu bapa. Masalah prestasi ini lebih berpunca daripada kesukaran pelajar untuk menyesuaikan diri dengan cara pembelajaran di peringkat universiti, teknik belajar yang tidak betul yang masih mengharapkan bantuan penuh daripada pensyarah sebagaimana yang diperolehi dari guru dahulu serta kurangnya inisiatif untuk berusaha sendiri mencari bahan rujukan lain di perpustakaan.

Faktor sikap pelajar yang sering mengambil mudah terhadap setiap perkara juga antara penyumbang kepada kemerosotan prestasi akademik mereka. Sikap sambil lewa dan tidak bersungguh-sungguh dalam melakukan aktiviti pembelajaran menjadikan mereka mudah lalai dan leka terhadap tanggungjawab mereka sebagai seorang pelajar. Faktor sikap ini disokong dengan faktor cara pergaulan, minat dan motivasi para pelajar. Walaupun mereka tidak mempunyai masalah dalam pergaulan, tetapi kurang keyakinan dalam diri untuk terus maju menjadi penghalang untuk mereka membangunkan prestasi diri mereka. Sememangnya mereka berpendapat bahawa

mereka yakin dengan apa yang dilakukan, tetapi itu adalah sekadar khayalan mereka tanpa ada usaha yang benar-benar memberangsangkan. Dalam aspek kerohanian, para pelajar sedar bahawa kehidupan ini adalah di bawah ketentuan Tuhan dan mereka sentiasa berdoa dan berusaha untuk mendapatkan yang terbaik dalam hidup.

Aspek personaliti tidak begitu memberi pengaruh terhadap prestasi pembelajaran mereka. Sebahagian besar pelajar menunjukkan jenis personaliti yang seimbang di mana mereka mampu untuk berusaha mendapatkan yang terbaik dalam setiap perkara, tetapi terdapat halangan-halangan kecil yang boleh mengurangkan motivasi mereka untuk terus berusaha. Walaupun mereka sebenarnya bijak dalam melakukan sesuatu tugas, tetapi sikap seperti suka bersendirian dan tidak bersikap terbuka akan menjadi penghalang kepada kehidupan mereka.

Selain itu, kesedaran terhadap kelemahan-kelemahan yang ada pada diri mereka mendorong sebahagian besar pelajar FPPSM ini berminat untuk mengikuti kursus-kursus seperti Bimbingan Kerjaya, Pengurusan Masa dan Kemahiran Belajar. Kursus-kursus lain seperti Komunikasi Berkesan dan Pembangunan Diri juga turut diperlukan bagi mempersiapkan diri mereka untuk menghadapi persaingan di alam pekerjaan kelak.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Aziz Yusof (2002). "Pengurusan Sumber Manusia Konsep Isu dan Pelaksanaan." Prentice Hall, Kuala Lumpur.
- Abd. Jalil Borhan (1999). "Pembangunan Pelajar : Konsep Dan Strategi Pelaksanaan. Universiti Teknologi Malaysia: Kertas Kerja Konvensyen Pendidikan 1999".
- Abdul Hamid Hamidon, Salbiah Seliman, Mohd Tajudin Hj. Md. Ninggal, Abd. Wahid Kamarulzaman, Yusuf Ahmad, Muhammad Sum Idris, Adnan Ripin, Abd. Saman Abd Kader & Rosdi Ab. Rahman. (1999). "Sistem Penasihat Akademik Di Universiti Teknologi Malaysia: Skudai.
- Ahmad Atory Hussain (2001). "Pengurusan Personel Awam Dan Swasta : Satu Tinjauan Konflik Dalam Organisasi." Utusan Publication & Distributors Sendirian Berhad. Malaysia.
- Bennett A. L. (1995). "International Organizations Principles & Issues". Prentice Hall International (UK) London.
- Chin Su Ching (2003). "Ciri-ciri Personaliti Yang Mendorong Kepada Kecemerlangan Prestasi Staf Pengurusan Di Phoenix Lumber Industry Sdn. Bhd". Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Dessler, Gary (1997). "Human Resource Management." Printice Hall International. Ibrahim dan Ainin Sulaiman, Universiti Malaya: Prentice Hall, Inc.
- Dzulkifli Sipon (1996). "Iklim Organisasi & Perkaitan Dengan Prestasi Kerja Pegawai Perunding Perbadanan Produktiviti Negara (NPC)". Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana.

- Ezhar Tamam (1981). "Tinjauan Ke Atas Keberkesanan Program Latihan Dalam Perkhidmatan Yang Diberikan Oleh RISDA Dalam Memberi Pengetahuan dan Kemahiran Kepada Pekerja." Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Farminah Hassan (1998). "Hubung kait Trait-Trait Personaliti Dengan Kecerdasan Mental Remaja." Universiti Kebangsaan Malaysia – Latihan Ilmiah.
- Frank, Landy J. (1987) "Psychology – The Science Of People." Prentice Hall International.
- Ibrahim Mamat (1996), "Rekabentuk dan Pengurusan Latihan: Konsep dan Amalan." Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Mad Shah (2002). "Pengenalan Psikologi Industri & Organisasi." Universiti Teknologi Malaysia. Skudai.
- Jaganadan A/L Periasamy (2000). "Gaya Pembelajaran Pelajar Berprestasi Rendah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Pai Chee, Mersing." Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana.
- Jalong Wan (1996). "Hubungan Antara Dimensi-Dimensi Personaliti Dengan Pencapaian Akademik Di Kalangan Pelajar Matrik Semester Tiga Sesi 1995/1996 Universiti Kebangsaan Malaysia." Universiti Kebangsaan Malaysia : Tesis Sarjana.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga. (2000). Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Kamus Za'ba (2000). Pustaka Antara Books Sendirian Berhad. Petaling Jaya.

- Kenneth Wexley N. and Latham Gary P. (1994). "Sumber Manusia Dalam Organisasi Pembangunan dan Latihan." Terjemahan oleh: Hafilah Zainal Abidin, Haliza Jaafar & Zanariah Md. Salleh. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khong Heng Yen (1999). "Kajian Tentang Hubungan Kepuasan Kerja dan Prestasi Kerja Di Kalangan Pengarang ITM Cawangan Sarawak." Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana
- Aiken Lewis R. (1991). "Psychological Testing & Assessment". Allyn and Bacon, Boston.
- Mohammad Yussuf B. Ali (1998). " Hubungan Di Antara Personaliti Dengan Pencapaian Kerja Kursus Pendidikan Islam Dinamika Guru-Guru Pelatih Maktab Perguruan Tengku Ampuan Afzan, Kuantan." Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana.
- Mohd Suffian Nawi (2001). " Penggunaan Alat Ujian Psikologi dan Borang Sebagai Peramal Prestasi Kerja Individu – Kajian Di Sektor Awam dan Swasta." Universiti Kebangsaan Malaysia : Projek Sarjana.
- Nadler. Leonard (1983) " ICPM Personal Skills For The Executive Ability Management." Wesley Publishing Company. London.
- Poon J.M.L , (1994). "Pengurusan Sumber Manusia". Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Prosiding: Konvokesyen Pendidikan UTM (1999). Editor oleh Sharif Omar. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.

- Ramlah Bt. Abdul Rahman (1998). "Personaliti dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Guru-Guru Pelatih Maktab Perguruan Tengku Ampuan Afzan, Kuantan." Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Robbins, S.P. (2000). "Gelagat Organisasi". Terjemahan oleh Abdul Razak. Prentice Hall, Kuala Lumpur.
- Rozhan Othman (1997). "Pengurusan Personal dan Perancangan Guna Tanaga." Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharma and Radha (1985). "Enchaining Academic Achievement – Role Of Some Personality Factors." New Delhi.
- Suhaini Mohd Noor (2003). "Hubungan Antara Personaliti Dengan Prestasi Kerja". Satu Tinjauan Di Kalangan Operator Pengeluaran, Coram Electronic Sdn. Bhd. Perak.
- Szilagy Andrew P. and Wallace M.J. (1987). "Organizational Behavior & Performance." Glenview, Illinois Scott Foresman & Company.
- Tan Kwang How (1995). "Training and Developing Human Resources." Times Federal Publications Sdn. Bhd. Shah Alam.
- Teo Poh Hoon (1991). "Hubungan Antara Personaliti, Tabiat Pelajar dan Sikap Belajar Dengan Pencapaian Akademik Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia – Latihan Ilmiah.

Zamli Toti (1998). "Personaliti Ekstrovert-Introvert Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Di Kalangan Pelajar Melayu Di Sekolah Menengah." Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi : Tesis Sarjana.

Zulkifli Harun (2003). "Peranan Mahasiswa Sebagai Agen Perubahan". Rujukan Ilmiah.

LAMPIRAN

NO. SIRI

--	--	--	--

**ANALISIS KEPERLUAN LATIHAN DI
KALANGAN PELAJAR-PELAJAR
BERPRESTASI KURANG MEMUASKAN
DI FPPSM, UTM**

Pihak Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (FPPSM), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai sedang menjalankan kajian penting berkaitan analisis keperluan latihan bagi pelajar-pelajar FPPSM. Kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti profil dan personaliti pelajar-pelajar ini, faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pelajaran mereka seperti teknik belajar, sikap, keyakinan diri, pergaulan, motivasi serta aspek kerohanian dan mengenal pasti jenis-jenis latihan yang diperlukan oleh mereka.

Anda telah dipilih untuk menjayakan kajian ini. Data yang diperolehi akan digunakan untuk kajian ini sahaja dan segala maklumat berkaitan adalah dirahsiakan. Dengan ini, kami memohon jasa baik anda untuk mengisi borang soal selidik ini dan mengembalikannya kepada:-

Pejabat Am, Blok D05, Aras 2,
Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia,
Universiti Teknologi Malaysia,
81300, Skudai,
Johor.

I. Bahagian A : PROFIL RESPONDEN

Arahan : Sila tandakan (/) pada petak yang berkenaan atau nyatakan jawapan pada ruang yang disediakan.

a. Latar belakang diri

1. Jantina

1. Lelaki
2. Perempuan

2. Keturunan

1. Melayu
2. Cina
3. India
4. Lain-lain. Nyatakan _____

3. Tempat dibesarkan

1. Kampong
2. Pekan Kecil
3. Pinggir Bandar
4. Bandar
5. Bandaraya

4. Tahun Pengajian dan Kursus : _____

5. Adakah anda tinggal di asrama?

1. Ya
2. Tidak

6. Adakah anda memiliki kenderaan?

1. Ya
2. Tidak

7. Jika "Ya" , jenis kenderaan yang anda miliki?

1. Basikal
2. Motorsikal
3. Kereta

8. Adakah anda mendapat penajaan bagi membiayai pengajian anda ini?

1. Ya
2. Tidak

Jika "Ya", sila nyatakan nama penaja .

Jika "Tidak", siapa yang membiayai pengajian anda?

b. Latar belakang ibu/bapa/penjaga

9. Adakah anda di bawah jagaan

1. Ibu dan Bapa
2. Ibu
3. Bapa
4. Penjaga. Nyatakan _____

10. Status perkahwinan ibu/bapa

1. Suami Isteri
2. Bercerai
3. Ibu/Bapa Tiri

11. Pekerjaan Bapa/Penjaga : _____

12. Pendapatan Bapa/Penjaga

1. Dibawah RM1,000
2. RM1,001 – RM2,000
3. RM2,001 – RM3,000
4. RM3,001 – RM4,000
5. RM4,001 ke atas

13. Pekerjaan Ibu : _____

14. Pendapatan Ibu

1. Dibawah RM1,000
2. RM1,001 – RM2,000
3. RM2,001 – RM3,000
4. RM3,001 – RM4,000
5. RM4,001 ke atas

Tandakan (✓) pada item yang sesuai. Anda boleh tanda lebih dari satu.

15. Saya mendapat dorongan untuk belajar dan berjaya dalam pelajaran daripada.....

1. Ibu
2. Bapa
3. Abang
4. Kakak
5. Penjaga
6. Rakan
7. Pensyarah
8. Lain-lain. Nyatakan _____

II. Arahan : Bahagian ini bertujuan untuk mengukur tahap persetujuan anda terhadap teknik belajar yang anda jalankan.

Skala : 1 – Sangat Tidak Setuju (STS)

2– Tidak Setuju (TS)

3 – Kurang Setuju (KS)

4 – Setuju (S)

5- Sangat Setuju (SS)

Bahagian B : TEKNIK BELAJAR

	(STS)	(TS)	(KS)	(S)	(SS)
16. Saya berupaya mengurus masa belajar saya dengan baik dan teratur.	1	2	3	4	5
17. Saya sukar menumpukan perhatian semasa mengulangkaji.	1	2	3	4	5
18. Saya mengulangkaji pelajaran setiap hari.	1	2	3	4	5

	(STS)	(TS)	(KS)	(S)	(SS)
19. Saya suka belajar secara berkumpulan.	1	2	3	4	5
20. Saya tidak mempunyai masalah untuk memahami apa yang dipelajari.	1	2	3	4	5
21. Saya sentiasa berusaha belajar untuk mencapai kecemerlangan.	1	2	3	4	5
22. Saya sering bertanya kepada pensyarah tentang pelajaran yang saya tidak fahami.	1	2	3	4	5
23. Saya sentiasa menulis nota semasa kuliah.	1	2	3	4	5
24. Saya sentiasa mencari bahan rujukan terkini di perpustakaan.	1	2	3	4	5
25. Saya sentiasa membuat persediaan sebelum menghadiri kuliah.	1	2	3	4	5

Bahagian C : SIKAP

	(STS)	(TS)	(KS)	(S)	(SS)
26. Saya berasa malas untuk mengulangkaji pelajaran.	1	2	3	4	5
27. Saya berasa lebih senang mengasingkan diri / menyendiri.	1	2	3	4	5
28. Saya suka menanggung kerja-kerja saya.	1	2	3	4	5
29. Saya tidak merasa apa-apa jika tidak menyiapkan tugas pada waktu yang ditetapkan.	1	2	3	4	5
30. Saya suka berkhayal.	1	2	3	4	5
31. Saya tidak kisah jika saya tidak lulus.	1	2	3	4	5
32. Saya tidak kisah jika saya tidak mendapat markah yang baik.	1	2	3	4	5
33. Saya suka keluar bersuka-suka dengan kawan-kawan dibandar.	1	2	3	4	5
34. Saya lebih suka menonton TV daripada belajar.	1	2	3	4	5
35. Saya seorang yang rajin.	1	2	3	4	5

Bahagian D : PERGAULAN, MINAT DAN MOTIVASI

	STS	TS	KS	S	SS
36. Saya berasa sukar untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran saya di UTM.	1	2	3	4	5
37. Saya berasa sering diasingkan oleh rakan-rakan.	1	2	3	4	5
38. Saya menghadapi masalah cinta yang mengganggu pembelajaran saya.	1	2	3	4	5
39. Saya tidak suka memulakan perbualan.	1	2	3	4	5
40. Saya tidak mempunyai sebarang cita-cita.	1	2	3	4	5
41. Saya tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk berjaya.	1	2	3	4	5
42. Saya berpendapat bahawa pengajian saya ini tidak dapat menjamin masa depan saya.	1	2	3	4	5
43. Saya hanya belajar kerana memenuhi kehendak ibubapa sahaja.	1	2	3	4	5
44. Saya tidak mempunyai minat terhadap kursus yang sedang saya ikuti sekarang.	1	2	3	4	5
45. Saya berasa keliru dan kurang yakin terhadap kursus yang saya ikuti sekarang ini.	1	2	3	4	5

Bahagian E : KEROHANIAN

	STS	TS	KS	S	SS
46. Saya percaya kepada Tuhan dan takdir menentukan hidup saya	1	2	3	4	5
47. Saya tidak berdaya untuk menghalang nasib buruk atau baik yang menimpa saya.	1	2	3	4	5
48. Saya percaya bahawa saya perlu berusaha untuk mendapatkan hasil yang baik.	1	2	3	4	5
49. Saya sentiasa berdoa di samping berusaha keras.	1	2	3	4	5

50.	Saya mudah berputus asa dengan kegagalan.	1	2	3	4	5
51.	Kegagalan adalah dugaan hidup dan saya perlu bersabar serta berusaha lagi.	1	2	3	4	5

Bahagian F : KEYAKINAN DIRI

		STS	TS	KS	S	SS
52.	Saya mempunyai beberapa kualiti yang baik.	1	2	3	4	5
53.	Secara umumnya, saya merasakan diri saya seorang yang gagal.	1	2	3	4	5
54.	Saya mampu melakukan sesuatu dengan baik sama seperti orang lain.	1	2	3	4	5
55.	Saya merasa tidak ada apa yang boleh dibanggakan tentang diri saya.	1	2	3	4	5
56.	Secara umumnya, saya berpuas hati dengan pencapaian diri saya.	1	2	3	4	5
57.	Saya harap saya dapat menghormati diri saya sendiri.	1	2	3	4	5
58.	Kadang kala saya merasa diri saya tidak berguna.	1	2	3	4	5
59.	Adakalanya, saya merasa saya tidak bagus dan lemah dalam segala segi.	1	2	3	4	5

Bahagian G : INVENTORI PERSONALITI

Arahan : untuk setiap item, bulatkan 'a' atau 'b'. Jika anda berpendapat kedua-duanya betul, bulatkan yang paling sesuai dengan diri anda. Anda hanya dibenarkan memilih satu jawapan sahaja.

1. Saya lebih suka

- menyelesaikan masalah baru dan rumit.
- membuat sesuatu perkara yang pernah saya lakukan dahulu

a
b

2. Saya suka

- belajar sendiri di tempat sunyi.
- belajar secara berkumpulan.

a
b

3. Saya perlu

- a. seseorang yang berpengaruh untuk membuat keputusan.
- b. menimbangkan keperluan individu lain apabila membuat keputusan.

a
b

4. Apabila saya membuat satu tugas, saya

- a. melakukan sehingga selesai.
- b. selalu bersifat terbuka untuk menerima perubahan.

a
b

5. Apabila membuat keputusan, pertimbangan yang paling utama diletakkan pada

- a. idea dan fakta yang rasional.
- b. perasaan dan nilai seseorang.

a
b

6. Dalam sesuatu tugas, saya akan

- a. berfikir berulang kali sebelum membuat keputusan.
- b. memulakan kerja dahulu, kemudian baru berfikir.

a
b

7. Apabila menjalankan suatu tugas, saya akan

- a. mengekalkan kawalan sebaik mungkin.
- b. Meneroka pelbagai pilihan.

a
b

8. Dalam membuat tugas, saya lebih suka

- a. melakukan seberapa banyak kerja dalam satu masa dan belajar sebanyak yang boleh daripadanya.
- b. menjalankan satu tugas yang mencabar sahaja.

a
b

9. Saya selalu

- a. merancang sebelum membuat sesuatu perkara dan tidak suka untuk mengubahnya.
- b. mengelakkan perancangan.

a
b

10. Apabila berbincang masalah dengan rakan, saya lebih suka untuk

- a. melihat masalah secara keseluruhan.
- b. fokus pada situasi yang lebih spesifik.

a
b

11. Apabila telefon berbunyi, saya akan

- a. menganggapnya sebagai satu gurauan.
- b. menjawabnya.

a
b

12. Saya adalah seorang yang suka

- a. memikirkan sesuatu perkara secara mendalam.
- b. memahami perasaan orang lain.

a
b

13. Apabila membuat satu tugas, saya lebih suka

- a. bekerja secara konsisten.
- b. bekerja dengan bersungguh-sungguh.

a
b

14. Apabila saya mendengar seseorang bercakap mengenai sesuatu, saya biasanya akan cuba

- a. mengaitkannya dengan pengalaman sendiri,
- b. menilai dan menganalisis mesej tersebut.

a
b

15. Apabila saya mempunyai idea baru, saya akan

- a. melakukannya.
- b. mempertimbangkannya.

a
b

16. Apabila menjalankan satu tugas, saya lebih suka

- a. sempitkan skop supaya ia lebih jelas.
- b. perluaskan skop untuk memasukkan aspek yang berkaitan.

a
b

17. Apabila saya membaca sesuatu, saya biasanya

- a. fokuskan kepada apa yang bertulis.
- b. membaca dengan teliti dan mengaitkannya dengan idea yang lain.

a
b

18. Apabila saya hendak membuat keputusan dengan cepat, saya biasanya

- a. mengharapkan kepada maklumat yang lebih banyak.
- b. puas hati dengan maklumat yang ada.

a
b

19. Dalam perbincangan, saya lebih suka

- a. menambah idea apabila berhujah.
- b. menghujahkan sahaja apa yang telah difikirkan..

a
b

20. Semasa saya melakukan aktiviti, saya lebih lebih suka menghabiskan masa dengan isu yang berkaitan

- a. idea.
- b. manusia.

a
b

21. Dalam perbincangan, saya berasa marah pada orang yang

- a. mengeluarkan idea yang terlalu ringkas.
- b. memanjangkan masa perbincangan dengan banyak maklumat.

a
b

22. Saya seorang yang suka melakukan aktiviti pada waktu

- a. siang.
- b. malam.

a
b

23. Apakah cara penyediaan perbincangan anda?

- a. saya sedia untuk mengendali perbincangan pada bila-bila masa.
- b. saya suka untuk membuat persediaan yang cukup.

a
b

24. Dalam perbincangan, saya suka orang yang

- a. beremosi.
- b. berorientasikan tugas.

a
b

25. Saya lebih suka bekerja untuk organisasi yang dapat

- a. memberi rangsangan intelek kepada saya.
- b. memenuhi matlamat dan misi saya.

a
b

26. Pada hujung minggu, saya lebih suka

- a. merancang apa yang perlu dilakukan.
- b. melihat apa yang berlaku dan membuat keputusan.

a
b

27. Saya lebih suka

- a. bersosial.
- b. berdikari.

a
b

28. Saya suka bekerja dengan seseorang yang

- a. penuh dengan idea baru.
- b. menunjukkan teladan secara praktikal.

a
b

Bagi soalan 29 hingga 32, pilih huruf yang paling sesuai dengan sifat anda.

29 a. Saya pandai bersosial.

b. Saya seorang yang teoritikal.

a
b

30 a. Saya seorang yang suka berpura-pura.

b. Saya seorang yang praktikal.

a
b

31 a. Saya seorang yang pandai mengurus diri.

b. Saya mampu menyesuaikan diri dalam semua keadaan.

a
b

32 a. Saya seorang yang aktif.

b. Saya memberi penumpuan sepenuhnya kepada sesuatu perkara.

a
b

SENARAI LATIHAN YANG ANDA INGINKAN UNTUK MEMBANTU ANDA MENINGKATKAN PRESTASI:

(Arahan: Tandakan (✓) di yang disediakan bagi kursus-kursus atau bengkel-bengkel yang anda ingin sertai).

1. Pengurusan Masa
2. Kemahiran Belajar
3. Teknik Menghadapi Peperiksaan
4. Komunikasi Berkesan
5. Pembangunan Diri
6. Bimbingan Kerjaya
7. Tujuh Amalan Individu Berjaya
8. Lain-lain _____

(Berikan cadangan anda)

**TERIMA KASIH DI ATAS
KERJASAMA ANDA**